

HADIS Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya :
"Daripada Abi Musa, dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :
Orang Mukmin dengan orang Mukmin itu adalah seperti sebuah
bangunan, menguatkan antara bahagiannya dengan
sebahagian yang lain".
(Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

MOTIVASI, KOMITMEN GURU TANGANI CABARAN PENDIDIKAN GLOBAL

Oleh : Aimi Sani

BERAKAS, Rabu, 23 September. - Landskap pendidikan secara global, telah membawa pelbagai cabaran baharu untuk dihadapi oleh para pendidik. Kajian antarabangsa telah menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti motivasi dan komitmen guru tetap merupakan faktor yang sangat penting dalam memastikan kejayaan para pelajar.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian sempena Majlis Kemuncak Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-36, Tahun 2026 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, hari ini.

Dalam hubungan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sukacita mengetahui bahawa Programme for International Student Assessment (PISA 2025) telah mendapati pelajar NBD telah melaporkan sokongan guru sebagai sangat positif.

>> Muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Kemuncak Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-36, Tahun 2026 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.
- Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

Berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Jubli Intan 60 Tahun MHBPT



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani Plak Jubli Intan Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid (Lihat muka 3 hingga 4).

Berita Utama



LEBIH 700 belia semarakkan Program Belia Berselawat

Muka 15



RECAAP ISC Cluster Meeting 2026 platform perkongsian maklumat keselamatan maritim

Muka 17



KEBAJIKAN, kesejahteraan mangsa bencana terus diberi perhatian

Muka 20



RENCANA

TUJUH dekad pendidikan ugama formal : Membina generasi, mengukuh legasi

Muka 28



MENTERI Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa berucap pada 4th ASEAN Forum 'Innovation, Integration and Growth in an Age of Transition' pada Selasa, 28 Julai 2026 yang berlangsung di The Rizqun International Hotel, Gadong.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :
Awang Haji Mirazman Haji Othman

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

SAYA berbesar hati dapat bersama-sama awda pada pagi ini di 4th ASEAN Forum. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance dan Asia Asset Management kerana menghimpunkan kita bagi membincangkan masa depan kewangan pada saat

ASEAN bersama mencorak masa depan kewangan berdaya tahan, mampan

berlakunya perubahan yang mendalam.

Tema yang dipilih untuk forum tahun ini 'Innovation, Integration and Growth in an Age of Transition' adalah amat tepat pada masanya. Di seluruh dunia, teknologi terus berkembang pesat. Pasaran kewangan semakin saling berkait, manakala peralihan geopolitik, perubahan demografi, risiko berkaitan iklim dan jangkaan pelabur yang sentiasa berubah sedang membentuk semula landskap kewangan global. Perkembangan ini menawarkan peluang yang amat besar. Ia juga meletakkan tanggungjawab yang lebih besar ke atas kita semua yang diamanahkan untuk mencorakkan masa depan sistem kewangan kita.

Bidang kewangan tidak wujud semata-mata untuk memindahkan modal dengan lebih cekap atau menerima pakai teknologi baharu dengan lebih pantas. Pada tahap terbaiknya, kewangan mengubah sumber hari ini menjadi peluang untuk masa hadapan menyokong usaha niaga, mengukuhkan daya tahan dan memperluas kemakmuran.

Ukuran sebenar kewangan bukan sekadar kemakmuran yang dicipta pada hari ini, malah kemakmuran yang dipelihara untuk masa hadapan. Inovasi mewujudkan peluang. Integrasi mewujudkan skala. Pertumbuhan mewujudkan daya tahan. Tanggungjawab kita adalah untuk memastikan ketiga-tiga aspek ini kekal berkekalan demi generasi akan datang.

Satu pengajaran yang sentiasa kita peroleh daripada tempoh peralihan ialah sering kali lebih mudah untuk membangunkan teknologi baharu berbanding institusi yang kekal utuh. Teknologi boleh muncul hampir dalam

sekelip mata, namun institusi tidak sedemikian. Institusi dibina dengan penuh kesabaran, melalui keputusan demi keputusan, tahun demi tahun. Itulah sebabnya bidang kewangan pada akhirnya bergantung bukan sahaja kepada inovasi, malah kepada pertimbangan yang bijak : pertimbangan untuk menerima inovasi tanpa menjejaskan kestabilan, mengejar pertumbuhan tanpa mengabaikan daya tahan, serta memastikan peluang hari ini tidak diperoleh dengan mengorbankan masa hadapan.

Di Brunei Darussalam, kefahaman ini terus mencorakkan pendekatan kita. Kita berusaha untuk menerapkan inovasi sambil memperkukuh kepercayaan, menggalakkan pertumbuhan sambil memelihara daya tahan serta membangunkan institusi yang akan terus berkhidmat untuk negara kita jauh selepas teknologi masa kini berkembang maju. Sama ada melalui Sustainable Finance Roadmap 2025-2030, FinTech Regulatory Sandbox, mahupun inisiatif seperti TARUS, matlamat kita kekal sama : untuk membina sistem kewangan yang dipercayai, berdaya tahan dan bersedia menghadapi masa hadapan.

Tiada ekonomi, walau sekuat mana pun, mampu mengharungi tempoh peralihan ini secara bersendirian. ASEAN sentiasa memahami bahawa kekuatan terbesar kita bukan sahaja terletak pada saiz ekonomi kita, malah pada keupayaan kita untuk bekerjasama. Itulah sebabnya integrasi itu penting. Ia bukan sekadar mengenai perluasan pasaran. Ia adalah tentang memperkukuh kepercayaan yang menggalakkan pelaburan, menyokong institusi yang berdaya tahan serta menjadi asas kepada kemakmuran yang

berkekalan.

Prinsip yang sama turut dicerminkan dalam kewangan Islam. Walaupun perkhidmatan kewangan terus berkembang, nilai-nilai yang mendasari kewangan Islam kekal abadi : keadilan, akauntabiliti, ketelusan dan pengurusan sumber yang diamanahkan secara bertanggungjawab. Prinsip-prinsip ini memastikan inovasi kekal berlandaskan tanggungjawab.

Akhirnya, tanggungjawab kita melangkaui sekadar menangani cabaran hari ini. Ia merangkumi usaha memastikan keputusan yang kita ambil hari ini dapat mengekalkan kemakmuran demi generasi akan datang. Itulah tanggungjawab sektor kewangan. Dan ia merupakan tanggungjawab yang kita pikul bersama.

Masa depan sektor kewangan sudah pasti akan berbeza berbanding masa lalu. Teknologi baharu akan muncul. Pasaran akan terus berkembang. Peluang-peluang baharu akan tercipta. Namun, satu tanggungjawab akan kekal tidak berubah : untuk membuat pertimbangan yang wajar, memperkukuh kepercayaan, serta memastikan kemakmuran yang kita bina hari ini berkekalan untuk generasi akan datang.

Jika kita kekal setia kepada prinsip-prinsip tersebut, saya yakin bahawa ASEAN bukan sekadar akan mengharungi tempoh peralihan ini, malah kita akan turut mencorakkannya.

Sehubungan dengan itu, saya mengucapkan selamat menjalani forum yang produktif dan bermanfaat.

Terima kasih.
Wabillahit Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

SIDANG PENGARANG 26 SEPTEMBER 2026

Membina NBD bebas stigma terhadap demensia

HARI Alzheimer atau Demensia Sedunia mengingatkan kita bahawa demensia merupakan salah satu cabaran kesihatan awam yang terbesar yang boleh menjejaskan daya ingatan, pemikiran, komunikasi, tingkah laku dan keupayaan seseorang untuk menjalani aktiviti harian. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kira-kira 57 juta orang di seluruh dunia menghadapi demensia pada tahun 2021 dan hampir 10 juta kes baharu berlaku setiap tahun.

Angka tersebut dijangka meningkat kepada 78 juta orang menjelang tahun 2030 dan 139 juta orang menjelang tahun 2050. Negara Brunei Darussalam (NBD) tidak terkecuali daripada arus ini. Selari dengan kejayaan negara dalam meningkatkan jangka hayat rakyat, ia juga bermakna kita kini sedang menuju ke arah masyarakat yang semakin menua.

Perkara tersebut ditekankan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Hari Alzheimer Sedunia 2026.

"Anggaran menunjukkan bilangan penduduk yang hidup dengan demensia di negara ini boleh meningkat sehingga 365 peratus menjelang tahun 2050. Oleh yang demikian, kita perlu mengambil serius perkara ini dengan menekankan kepentingan pemeriksaan awal, pencegahan dan pengawalan bagi mengurangkan risiko demensia," ujar Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Walaupun risiko demensia meningkat seiring dengan pertambahan usia, demensia bukanlah proses penuaan yang normal. Kesan demensia bukan sahaja dirasai oleh individu yang mengalaminya, tetapi turut memberi kesan kepada ahli keluarga, penjaga, masyarakat serta sistem kesihatan dan penjagaan sosial.

Walaupun sesetengah jenis demensia tidak dapat disembuhkan sepenuhnya pada masa ini, diagnosis awal dan rawatan yang sesuai dapat membantu menguruskan gejala serta mengekalkan kualiti hidup. Rawatan mungkin melibatkan ubat-ubatan tertentu, terapi, aktiviti rangsangan kognitif dan pengurusan keadaan kesihatan yang berkaitan. Sokongan daripada keluarga dan masyarakat juga amat penting supaya individu yang mengalami demensia terus dihormati dan dapat menjalani kehidupan dengan lebih bermakna.

Pencegahan juga memainkan peranan penting. Dapatkan pemeriksaan lebih awal daripada profesional kesihatan sekiranya perubahan pada daya ingatan, pemikiran atau tingkah laku mula menjejaskan kehidupan seharian; hentikan stigma dan tunjukkan rasa hormat dan empati terhadap individu yang mengalami demensia. Elakkan perkataan, jenaka atau tanggapan yang boleh memalukan, merendahkan atau memulaukan individu yang mengalami demensia.

Bersama-sama kita membina NBD menjadi sebuah negara yang lebih memahami demensia, lebih prihatin, bebas daripada stigma dan memastikan tiada seorang pun individu atau keluarga perlu mengharungi perjalanan ini secara bersendirian. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**

WAKTU SEMBAHYANG										
SEPTEMBER	RABIULAKHIR									
MASIHI	HARI	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
26	SABTU	14	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.15	7.24
27	AHAD	15	4.42	4.52	6.09	6.31	12.12	3.22	6.14	7.23
28	ISNIN	16	4.41	4.51	6.08	6.31	12.12	3.22	6.14	7.23
29	SELASA	17	4.41	4.51	6.08	6.30	12.12	3.22	6.13	7.22
30	RABU	18	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.13	7.22
1	KHAMIS	19	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.12	7.21
OKTOBER										
2	JUMAAT	20	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.12	7.21
Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit										
RAMALAN CUACA 3 HARI 										
SABTU			AHAD				ISNIN			
Bandar Seri Begawan										
34	26		33	25		33	25			
°C			°C			°C				
Pekan Bangar										
33	25		32	24		32	24			
°C			°C			°C				
Pekan Tutong										
33	25		33	24		32	24			
°C			°C			°C				
Kuala Belait										
34	26		32	25		33	25			
°C			°C			°C				
Wallahuallah Bissawab										
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi										
www.mef.gov.bn										

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن فردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN JUBLI INTAN 60 TAHUN MHBPT



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Jubli Intan 60 Tahun Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong (MHBPT). Berangkat sama, paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (kiri dan kanan).

TUTONG, Jumaat, 25 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tengah hari tadi berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Jubli Intan 60 Tahun Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong (MHBPT).

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul bin Haji Mohd. Yussof; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned; Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji

Salim bin Haji Besar; dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Kebawah DYMM berkenan merasmikan Pameran Khas dan Buku Kenangan Abadi MHBPT dan seterusnya menandatangani Plak Jubli Intan MHBPT.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan menerima pesambah yang disebarkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Kebawah DYMM dan kerabat diraja seterusnya berkenan meninjau Pameran Khas Jubli Intan 60 Tahun MHBPT dan kemudiannya berkenan bergambar ramai dengan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin

Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir MHBPT.

Antara lain pameran berkenaan memaparkan sejarah perjalanan MHBPT sejak awal pembinaannya, program pendidikan, kelas - kelas pengajian, aktiviti - aktiviti keagamaan, kemasyarakatan dan kebajikan serta perancangan strategik masjid berkenaan.

Kebawah DYMM dan kerabat diraja seterusnya dijunjung ke Dewan Sembahyang Utama untuk menunaikan Sembahyang Sunat Hajat dan Sembahyang Fardu Jumaat Berjemaah.

Khutbah Jumaat Khas

sempena Sambutan Jubli Intan 60 Tahun MHBPT disampaikan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Yang Berhormat dalam Khutbah Jumaat Khas menjelaskan bahawa masjid adalah rumah Allah, bukan rumah sesiapa, maka janganlah masjid dihina, dirosakkan, apatah lagi dibakar.

Pada bulan Ogos yang lalu, Yang Berhormat menjelaskan di sebuah negara telah berlaku orang membakar masjid.

>> Muka 4

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat Berjemaah (kanan). Sementara gambar bawah, suasana orang ramai yang hadir pada majlis berkenaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda berangkat ke Dewan Sembahyang Utama untuk menunaikan Sembahyang Sunat Hajat dan Sembahyang Fardu Jumaat Berjemaah (atas). Sementara gambar bawah, suasana orang ramai yang hadir pada majlis berkenaan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda baginda dijunjung bergambar ramai dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir MHBPT.

>> Muka 3

"Masjid rumah Allah dibakar, dibakar sampai musnah. Mereka yang membakar bersorak melihat masjid terbakar.

"Ketahuilah oleh semua bahawa Allah pemilik masjid, rumah-Nya, tidak tidur. Allah sekali-kali tidak tidur. Allah tidak pernah tidur.

"Maka hanya setelah sedikit masa berlalu, Allah secara tiba-tiba bertindak, membalas perbuatan jahat para pembakar rumah-Nya, dengan memerintahkan air dan tanah susur untuk menghanyutkan kediaman para pembakar masjid," ujar

Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya berkata, maka tampillah para pemberita membuat liputan berita bahawa korban banjir dan tanah susur adalah seramai 1,252 kematian dan 4,200 lagi masih hilang. Ini baharu anggaran awal.

Demikian itu, tegas Yang Berhormat lagi, Allah telah mengajar siapa yang membakar rumah-Nya, masjid.

Sembahyang Sunat Hajat diimamkan oleh Imam MHBPT, Awang Sahibul Omar bin Haji Yusof. Sementara Sembahyang Fardu Jumaat diimamkan oleh Ketua Imam MHBPT, Awang Mohammad Waiz bin

Tajuddin.

Manakala azan dan *ma'syir* dilaungkan oleh Bilal MHBPT, Awang Hazrin bin Haji Hassan.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM dan kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada para pembesar negara, jemputan dan jemaah serta orang ramai.

Pameran Khas Jubli Intan 60 Tahun MHBPT dibukakan bagi kunjungan orang ramai selama tiga hari berturut-turut, iaitu Jumaat, 25 September 2026 bermula pukul 2.00 petang hingga 9.00 malam, Sabtu, 26 September 2026 bermula pukul 8.00 pagi hingga 9.00 malam dan Ahad, 27 September 2026 bermula pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Beberapa program dan aktiviti seperti Ceramah Khas Muslimah, Program Bicara Belia, tazkirah, peraduan mewarna untuk kanak-kanak, jualan Food Truck peniaga - peniaga tempatan akan berlangsung di sepanjang tiga hari acara sambutan berkenaan.

Bagi tujuan untuk mengimarahkan Sambutan Jubli Intan 60 Tahun MHBPT, pelbagai program dan aktiviti telah diadakan sejak awal 2026 ini antaranya, Forum Perdana, aktiviti riadah Fun Run,

Bengkel Wuduk, Program Belia dan Kempen Kebersihan.

MHBPT dirasmikan pada Jumaat, 26 Ogos 1966 oleh Kebawah DYMM (yang pada waktu itu memegang gelaran Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassan al-Bolkiah).

Sebagai sebuah masjid utama di Daerah Tutong, MHBPT berkenaan bukan sahaja berperanan sebagai sebuah tempat beribadat semata-mata, tetapi juga dimanfaatkan untuk pelbagai program dan aktiviti bagi memperkukuh hubungan antara penduduk dan masyarakat serta tumpuan bagi acara-acara keraian dan sambutan Hari-hari Kebesaran Islam dan negara.

Berdiri megah sebagai salah satu mercu tanda keagamaan di Daerah Tutong, pembinaan MHBPT telah bermula pada 17 April 1965 di atas tanah wakaf yang disumbangkan oleh Allahyarham Awang Abdul Latif bin Khattab dan Allahyarham Awang Mohd. Daud bin Bujang.

Dibina dengan kos perbelanjaan sebanyak BND700,000, masjid berkenaan adalah khusus bagi menampung seramai 1,000 jemaah, sekali gus menjadi salah sebuah tempat ibadah utama bagi masyarakat Islam di Daerah Tutong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah (atas kiri, atas dan kiri).

PAMERAN SERLAHKAN 6 DEKAD MHBPT, MERCU TANDA KEAGAMAAN DAERAH TUTONG



TUTONG, Jumaat, 25 September. – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan menyaksikan Pameran Khas Jubli Intan 60 Tahun Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong (MHBPT) bertempat di Kem Pameran, Kawasan Letak Kereta MHBPT, pagi tadi.

Berangkat sama menyaksikan pameran tersebut ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik,

Menteri di JPM.

Pameran Jubli Intan 60 Tahun MHBPT secara keseluruhannya menyerlahkan enam dekad MHBPT di mana memasuki usia 60 tahun sejak penubuhannya pada tahun 1966, MHBPT kekal berdiri kukuh sebagai mercu tanda keagamaan dan sejarah terunggul di Daerah Tutong.

Masjid ini terus berkembang sebagai pusat penyatuan ummah, keagamaan dan aktiviti kemasyarakatan. Pelbagai pemeliharaan serta penambahbaikan kemudahan terus dilaksanakan bagi memastikan keselesaan jemaah sekali gus memelihara nilai sejarah dan keindahan seni binanya untuk generasi masa kini dan akan datang.

Pada pameran tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula dijunjung menyaksikan ruang pameran Zon 1 yang mempamerkan sejarah dan

latar belakang masjid yang kaya dengan legasi dan warisan yang membanggakan serta perkembangan yang progresif.

Di ruang pameran Zon 1 antaranya mempamerkan latar belakang sejarah dan peristiwa penting di mana pembinaan MHBPT bermula pada 17 April 1965 di atas tanah wakaf sumbangan Allahyarham Awang Abd. Latif bin Khattab dan Allahyarham Awang Mohd. Daud bin Bujang yang dibina dengan kos BND700,000 khusus untuk menampung 1,000 jemaah.

MHBPT dirasmikan pada Jumaat, 26 Ogos 1966 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang pada waktu itu memegang gelaran Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan sebelum baginda menaiki takhta menjadi Sultan Brunei Ke-29.

Turut dipaparkan di ruang pameran zon ini ialah barisan imam, bilal dan marbut sejak 1960-an sehinggalah sekarang dan sejarah cokmar Khutbah Jumaat.

Kebawah DYMM kemudiannya berkenaan menyaksikan ruang pameran Zon 2 yang mengetengahkan pelbagai pengisian dan program masjid yang meluas serta memberikan impak positif kepada masyarakat. Menerusi pengisian ruang pameran zon ini antaranya menyerlahkan enam dekad kecemerlangan institusi MHBPT sebagai mercu syiar, ilmu dan kesejahteraan ummah melalui lima teras utama.

Lima teras utama berkenaan meliputi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam; Pendidikan dan Kebudayaan Islam seperti Kumpulan Lajnah Pendidikan MHBPT iaitu satu badan kecil yang ditubuhkan di bawah Ahli Jawatankuasa Takmir MHBPT pada tahun 2025 sekali gus bagi memperkasa pendidikan Islam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja berkenaan menyaksikan Pameran Khas Jubli Intan 60 Tahun Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong (MHBPT) dan Buku Kenangan Abadi MHBPT (kiri dan atas).

Oleh : Nurdiyanah Rajami

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin

dalam kalangan jemaah dengan menyelaraskan program pengajian, kelas dan aktiviti ilmu agama; Hal Ehwal Kebajikan dan Kemasyarakatan iaitu pelbagai usaha sebagai nadi sokongan sosial yang memupuk semangat keprihatinan dan mengeratkan ukhuwah dalam kalangan komuniti; Fakir dan Miskin iaitu dengan istiqamah menyantuni golongan yang memerlukan melalui agihan bantuan, infak dan tanggungjawab sosial demi merapatkan jurang kehidupan; Hal Ehwal Muslimah iaitu memperkasa peranan wanita sebagai tiang seri keluarga dan masyarakat menerusi wadah kepimpinan, ilmu serta kegiatan kekeluargaan.

Manakala di ruang pameran Zon 3, baginda dijunjung menyaksikan yang menumpukan kepada usaha membina masyarakat masjid yang berilmu, aktif, saling bergotong-royong dan bersepadu. Salah satunya melalui penubuhan Kumpulan Sahabat Masjid yang berperanan dalam memastikan keselesaan dan kesucian tandas serta tempat wuduk lelaki dan perempuan sentiasa berada pada tahap kebersihan tertinggi secara berkala serta menjaga standard kebersihan dan kesucian zon utama jemaah. Kumpulan ini melaksanakan kempen mingguan mereka pada setiap Ahad selepas menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di MHBPT yang telah bermula pada awal bulan Oktober 2025.

Begitu juga penubuhan Kumpulan Komuniti Taman Harmoni

yang bertanggungjawab dalam menjaga dan memelihara kawasan masjid secara berterusan menerusi projek tanaman hijau dan bunga-bunga sekali gus memperindah suasana persekitaran masjid dengan mereka bentuk landskap terkini.

Baginda seterusnya dijunjung menyaksikan ruang pameran Zon 4 yang memaparkan wawasan masjid yang tidak statik sebaliknya berani maju ke hadapan dengan penuh komitmen untuk melangkah ke tahap yang lebih tinggi. Antara pengisian yang dipaparkan ialah visi dan misi Kumpulan Belia 'Ibadurrahman MHBPT, Projek Naik Taraf MHBPT 2026 - 2030 dan juga Pelan Strategik MHBPT 2028 - 2030.

Manakala ruang pameran yang terakhir iaitu Zon 5 pula menampilkan pameran khas dari Pusat Da'wah Islamiah (PDI) yang menekankan peranan PDI dalam menyebarkan ajaran dan memantapkan ajaran serta penghayatan agama Islam kepada masyarakat.

Melalui bahagian-bahagian dan urus setia yang saling melengkapi, usaha dakwah dilaksanakan secara menyeluruh daripada perancangan dan penyampaian dakwah, pendidikan dan bimbingan, pembangunan muafak, kajian dan penerbitan, media, penapisan dan pameran hingga program keagamaan dan penghayatan Al-Quran.

Dalam pemeliharaan akidah, usaha ini membantu masyarakat memperoleh ilmu yang benar, bimbingan yang berotoriti, kesedaran terhadap perkara yang mengelirukan serta penghayatan Islam dalam kehidupan.

Menerusi pameran ini, ia menyerlahkan enam dekad berlalu, cahaya MHBPT ini kekal menyinari jiwa, membangun minda dan menyatukan ummah demi keredaan Illahi. Sebagai sebuah masjid utama di Daerah Tutong, MHBPT ini bukan sahaja berperanan sebagai sebuah tempat beribadat semata-mata, tetapi juga dimanfaatkan untuk pelbagai program dan aktiviti bagi memperkukuh hubungan antara penduduk dan masyarakat serta tumpuan bagi acara-acara keraian dan sambutan hari-hari kebesaran Islam dan negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan menerima sembah penerangan daripada para peserta pameran (atas dan bawah kanan). Manakala gambar bawah, baginda dijunjung menandatangani Lembaran Kenangan.



Motivasi, komitmen guru tangani cabaran pendidikan global

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam lagi, dapatan ini lebih tinggi berbanding purata negara-negara Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD).

"Sokongan serta komitmen para guru adalah berpotensi untuk mempengaruhi pembelajaran pelajar. Ini telah dibuktikan dalam beberapa kajian dan sekarang dalam PISA 2025 NBD adalah merupakan salah satu dari hanya beberapa buah negara, di mana pencapaian pelajar adalah meningkat dalam ketiga-tiga domain iaitu Sains, Matematik dan Membaca," titah

baginda.

Dalam perkembangan lain melalui penilaian yang sama titah baginda lagi, lebih dari 70 peratus pelajar telah mencapai tahap prestasi melebihi jangkaan dalam Computational Problem Solving dan ini meletakkan NBD dalam kedudukan kedua teratas dalam senarai negara-negara yang mengikuti PISA.

Syabas dan tahniah baginda ucapkan kepada seluruh warga guru kerana pencapaian ini tidak mungkin akan dapat direalisasikan tanpa komitmen dan pengorbanan yang tidak berbelah bahagi daripada guru-guru semua.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah

rahmat-Nya mengizinkan kita dapat bersama-sama meraikan Majlis Sambutan Hari Guru Kali Ke-36 dalam suasana aman dan sejahtera.

Majlis pada hari ini, titah baginda, bukan sekadar memperingati Sambutan Hari Guru, malah juga untuk menzahirkan penghargaan dan pengiktirafan kita terhadap jasa, pengorbanan dan dedikasi para guru yang sentiasa cekal dalam mendidik, membimbing dan membentuk modal insan yang berpendidikan.

"Tema Hari Guru pada tahun ini : 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi', iaitu sebagai mengiktiraf pentingnya sumbangan guru ke arah memperkukuh sistem pendidikan yang berkualiti, lestari dan relevan, demi melahirkan generasi kreatif serta berupaya menyesuaikan diri dengan perubahan zaman," titah baginda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Kemuncak Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2026 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

PEMERKASAAN PROSES PEMBELAJARAN, PENGAJARAN PERLU TERUS DIUSAHAKAN

BERAKAS, Rabu, 23 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah dalam kesungguhan untuk melengkapi pelajar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran teknologi, para pendidik adalah turut memikul amanah membentuk sahsiah, akhlak dan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar.

Dalam hal ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berharap agar Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama akan sentiasa bekerjasama dalam memperkemas kurikulum, demi memperkukuh penerapan

nilai-nilai murni dan etika Melayu Islam Beraja (MIB) sejak dari peringkat sekolah rendah lagi.

Usaha ini, titah baginda lagi, amat penting kerana pembentukan karakter dan sahsiah pelajar perlu bermula dari peringkat awal usia.

"Mengenai kesejahteraan para guru, beta sentiasa memberi perhatian serius terhadap isu beban tugas dan pengajaran yang sering dihadapi. Kesejahteraan warga guru akan sentiasa menjadi keutamaan kerajaan beta.

"Oleh itu, beta berharap Kementerian Pendidikan dan dapat melaksanakan penambahbaikan pengurusan Guru Relief secara bersepadu dan berkesan. Ini adalah bagi memastikan kesejahteraan para guru, kualiti dan proses pengajaran dan pembelajaran sentiasa terpelihara," titah baginda semasa Majlis Kemuncak Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-36, Tahun 2026.

Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah pemerkasaan proses pembelajaran dan pengajaran juga hendaklah terus diusahakan melalui program-program yang sedia ada.

Sehubungan ini, baginda berpandangan bahawa usaha tersebut perlu disejajarkan dengan pemantapan sistem pendidikan, termasuk memperkukuh sistem intervensi awal kanak-kanak.

Titah baginda lagi, penyediaan pendidikan awal yang inklusif hendaklah diberikan perhatian supaya setiap kanak-kanak, tanpa

mengira latar belakang atau keupayaan, mendapat peluang yang saksama untuk berkembang secara optimum.

Dalam hal ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia memperkenankan penubuhan National Intervention Centre for Early Childhood Education iaitu satu pusat intervensi pendidikan awal kanak-kanak berusia antara 2 hingga 4 tahun bermula tahun 2027.

Pusat ini, titah baginda, akan diterajui bersama oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Akhir kata, Kebawah DYMM dengan ikhlas

merakamkan ucapan Selamat Hari Guru kepada seluruh warga pendidik di NBD.

"Semoga segala jasa, pengorbanan dan bakti yang dicurahkan dalam mendidik generasi pewaris akan sentiasa diberkati serta dikurniakan ganjaran yang berlipat ganda oleh Allah Subhanahu Wata'ala," titah baginda.

Kebawah DYMM turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penerima Anugerah Hari Guru pada tahun ini. Semoga penghargaan berprestij ini menjadi sumber inspirasi serta pencetus semangat seluruh warga guru dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang dipikul.



ANTARA yang hadir pada Majlis Kemuncak Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2026 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas dan kiri).

BERANGKAT KE MAJLIS KEMUNCAK SAMBUTAN HARI GURU KE-36



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Kemuncak Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-36, Tahun 2026. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (atas dan kanan).

BERAKAS, Rabu, 23 September. - Tanggal 23 September setiap tahun menjadi tarikh istimewa bagi warga pendidik di Negara Brunei Darussalam (NBD) apabila Sambutan Hari Guru diraikan sebagai penghargaan atas jasa, dedikasi dan sumbangan mereka dalam mendidik serta membimbing generasi negara. Lebih daripada sekadar sebuah sambutan, ia menjadi wadah untuk terus memartabatkan profesion perguruan serta mengiktiraf

peranan penting para pendidik dalam pembangunan modal insan dan kemajuan negara. Mengangkat peranan guru sebagai pemangkin kepada perubahan dan kemajuan pendidikan, Majlis Kemuncak Sambutan Hari Guru NBD Ke-36, Tahun 2026 berlangsung hari ini, di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), dengan membawa tema 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi' dan sub-tema 'Mendidik Dengan Hikmah,

Membimbing Generasi Harmoni dan Berinovatif'.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Guru NBD Ke-36, Tahun 2026.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku Pengerusi Bersama Majlis serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari Guru NBD Ke-36, Tahun 2026.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dihadiahkan khusus buat ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan guru-guru yang telah kembali ke rahmatullah dan diikuti dengan Doa Selamat yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin

Juned.

Majlis diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran iaitu Surah Luqman, ayat 16 hingga 19 oleh Guru Ugama Tingkat II, Sekolah Ugama Sungai Besar, Awang Mohammad Ayub bin Ali. Manakala inti sari ayat disampaikan oleh Timbalan Pengarah, Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

>> Muka 8



BACAAN ayat-ayat suci Al-Quran iaitu Surah Luqman, ayat 16 hingga 19 oleh Guru Ugama Tingkat II, Sekolah Ugama Sungai Besar, Awang Mohammad Ayub bin Ali (atas). Manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.



ANTARA persembahan yang disembahkan pada Majlis Kemuncak Sambutan Hari Guru NBD Ke-36, Tahun 2026 berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah Guru Berjasa kepada Dato Paduka Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman dan Awang Haji Jamal bin Haji Kahar (atas kiri dan atas kanan).

>> Muka 7

Seterusnya, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyembahkan sembah alu-aluan dan diikuti dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Acara diteruskan dengan tayangan klip video khas bertajuk 'Cahaya Serambi Ilmu' sebagai tanda penghargaan terhadap kemuliaan, ketulusan dan pengorbanan warga pendidik dalam membentuk generasi masa hadapan. Klip video tersebut menetengahkan peranan guru sebagai cahaya

yang menerangi anak didik melalui ilmu pengetahuan, bimbingan dan nasihat menuju kejayaan.

Tayangan video berkenaan turut menzahirkan rasa syukur atas jasa dan bakti para guru, di samping membawa simbolik bahawa di sebalik setiap kejayaan seorang murid, terdapat insan bergelar guru yang telah menyalakan cahaya ilmu. Pengisian klip video tersebut turut mencerminkan penghargaan terhadap profesion perguruan sebagai tunjang utama pembangunan modal insan negara.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan Hari Guru, iaitu

kompilasi lagu-lagu medley bertajuk 'Guru Oh Guru', 'Jasamu Guru' dan 'Terima Kasih Cikgu', sebelum diteruskan dengan Persembahan Lagu Hari Guru Ke-36, bertajuk 'Cahaya Serambi Ilmu'.

Persembahan ini melibatkan gabungan 33 pelajar dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Sekolah Menengah Menglait, Sekolah Rendah Raja Isteri Fatimah, Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan, Sekolah Seri Mulia Sarjana, Sekolah Sunshine dan Sekolah Stella.

Seterusnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan

menyempurnakan pengurniaan Anugerah-anugerah Hari Guru Ke-36, Tahun 2026 kepada para penerima yang terdiri daripada empat orang penerima Anugerah Guru Berjasa yang dianugerahkan kepada Dato Paduka Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman, Awang Haji Jamal bin Haji Kahar, Dayang Hajah Sarbanun binti Junit dan Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Mohd. Hassan, sementara dua penerima Anugerah Jejak Bakti Pendidik dianugerahkan kepada Awang Haji Abd. Razak bin Bongsu dan Awang Haji Hussain bin Mahari.

Penerima-penerima Anugerah Guru Berjasa menerima

Sijil Penghormatan; wang tunai sebanyak BND12,000; cenderamata dan kemudahan perubatan percuma, termasuk segala perbelanjaan wad kelas pertama di hospital-hospital kerajaan dalam negara.

Manakala penerima Anugerah Jejak Bakti Pendidik menerima Sijil Penghormatan; wang tunai sebanyak BND6,000; Cenderamata; dan kemudahan perubatan percuma, termasuk segala perbelanjaan wad kelas pertama di hospital-hospital kerajaan dalam negara.

>> Muka 9



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah Guru Berjasa kepada Dayang Hajah Sarbanun binti Junit dan Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Mohd. Hassan (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah Jejak Bakti Pendidik kepada Awang Haji Abd. Razak bin Bongsu dan Awang Haji Hussain bin Mahari.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama para penerima anugerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Guru NBD Ke-36, Tahun 2026.

>> Muka 8

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan menyempurnakan pengurniaan kepada sembilan orang penerima Anugerah Guru Cemerlang dan 28 penerima Anugerah Penghargaan Hari Guru. Para penerima Anugerah Guru

Cemerlang menerima Sijil Penghormatan; wang tunai sebanyak BND4,000 dan cenderamata serta tertakluk kepada syarat-syarat Latihan Dalam Perkhidmatan, diberikan keutamaan / disokong untuk melanjutkan pelajaran. Sementara para penerima Anugerah Penghargaan Hari

Guru (Special Mention) menerima Sijil Penghormatan; wang tunai sebanyak BND1,000 dan trofi. Pada akhir majlis, Kebawah DYMM serta kerabat diraja dijunjung berangkat bagi sesi bergambar ramai bersama para penerima anugerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Guru NBD Ke-36,

Tahun 2026. Kebawah DYMM seterusnya dijunjung berangkat untuk menyaksikan pameran sempena Sambutan Hari Guru Ke-36, Tahun 2026 di Ruang Legar, ICC. Tema pameran bagi Sambutan Hari Guru pada tahun ini ialah 'Mendidik Dengan Hikmah, Membimbing Generasi Harmoni

dan Berinovatif'. Sebelum berangkat meninggalkan ICC, Kebawah DYMM juga berkenan menerima junjung ziarah daripada guru-guru, pelajar-pelajar, siswa dan siswi daripada pelbagai peringkat pendidikan dan institusi serta peserta-peserta persembahan.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN PERKASA AI, INOVASI DALAM SISTEM PENDIDIKAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Rabu, 23 September. – Kementerian Pendidikan terus memperkukuh sistem pendidikan negara melalui pelbagai langkah strategik, termasuk memperkasa penggunaan Kecerdasan Buatan (AI), meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak serta membudayakan inovasi dan kemahiran digital di semua peringkat pendidikan.

Perkara tersebut disebarkan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dalam sembah alu-aluan pada Majlis Kemuncak Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-36, Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyebarkan, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis berkenaan, amat besar ertinya kepada warga pendidik kerana mencerminkan keprihatinan yang mendalam terhadap kebajikan dan kesejahteraan para guru.

"Keberangkatan ini juga menjadi sumber inspirasi dan pembakar semangat bagi *abis* hamba Kebawah Duli Tuan Patik untuk terus melaksanakan amanah dengan penuh dedikasi dan iltizam dalam membentuk

generasi yang berilmu, berkemahiran dan berakhlak mulia serta mampu menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara," sembah Yang Berhormat.

Dalam sembah alu-aluannya, Yang Berhormat Menteri Pendidikan turut menyebarkan perkembangan tindakan kementerian susulan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Guru Ke-35 yang antara lain menyentuh mengenai penggunaan AI dalam pengajaran dan pembelajaran, peranan Lembaga Peperiksaan NBD serta pemerikasaan kualiti pendidikan awal kanak-kanak.

"Pada menjunjung titah Kebawah Duli Tuan Patik sempena Hari Guru Ke-35, di mana Kebawah Duli Tuan Patik telah bertitah mengenai dengan penggunaan AI dalam pengajaran dan pembelajaran, peranan Lembaga Peperiksaan Brunei (LPB) dan pemerikasaan kualiti pendidikan awal kanak-kanak, disebarkan bahawa Kementerian Pendidikan telah melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut :

"Pertama : Memperkasa keupayaan guru dalam penggunaan AI secara beretika melalui latihan Pembangunan Profesional. Pensijilan AI Guru telah berjaya melatih seramai 4,281 guru yang mana mereka

telah meraih AI In depth Literacy Certification. Sementara seramai 772 orang guru (termasuk 22 guru dari Jabatan Pengajian Islam) telah mengikuti Bengkel AI Guidance for Schools Toolkit (AIGST).

"Kedua : Mengenai peranan LPB disebarkan bahawa LPB sedang dalam usaha untuk mengendalikan peperiksaan dan pensijilan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Kesusasteraan Melayu dan Pengetahuan Ugama Islam di peringkat menengah atas dan pra universiti bermula tahun 2028, dengan kelayakan setaraf GCE 'O' dan 'A' Level," sembah Yang Berhormat.

Dalam usaha memperkasa kualiti pendidikan awal kanak-kanak, Yang Berhormat menyebarkan bahawa gabungan Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Kementerian Kesihatan telah mula membentuk satu Kerangka Kebangsaan Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (bagi kanak-kanak berumur antara 0 hingga 5 tahun).

Kerangka bersepadu tersebut, tambah Yang Berhormat, akan menitikberatkan aspek penjagaan dan pendidikan awal, kesihatan dan pemakanan, perlindungan keluarga serta nilai Melayu Islam Beraja (MIB). Seterusnya Yang Berhormat menyebarkan, pembudayaan inovasi turut diperluaskan secara menyeluruh merangkumi semua peringkat pendidikan.

Di peringkat Technical and Vocational Education and Training (TVET), sembah Yang

Berhormat, keupayaan beliau terus diperkukuh melalui platform pertandingan kemahiran bagi mengiktiraf kecemerlangan, di samping melahirkan bakat yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, ujar Yang Berhormat lagi, institusi pengajian tinggi bertindak sebagai pemacu utama pembangunan lestari melalui pelaksanaan penyelidikan-penyelidikan berimpak tinggi seperti sekuriti makanan, penyediaan prasarana teknologi hijau yang berfungsi sebagai makmal hidup serta penggubalan pelan induk kelestarian yang bersepadu.

Di peringkat pendidikan teras pula, tambah Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan Anugerah Inovasi Sekolah sejak November 2025 untuk memupuk budaya kreativiti dan memantapkan Penilaian Kendiri Sekolah.

"Disebarkan bahawa budaya inovasi disokong oleh keupayaan yang relevan dengan tuntutan masa hadapan, penekanan khusus turut diberikan kepada kemahiran digital seperti Computational Thinking dan AI. Kementerian Pendidikan telah menyediakan Brunei Darussalam Digital Literacy Standards (BDDLS) dan mengemas kini kurikulum ICT.

"Langkah ini memenuhi objektif Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023-2027 dan disokong oleh Rangka Kerja Digital Citizenship Kementerian Pendidikan," sembah Yang Berhormat.

Dalam pada itu, tambah Yang Berhormat, tindakan untuk memperkemas kualiti pendidikan



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa sembah alu-aluannya.

turut dilaksanakan di kesemua peringkat pendidikan, sama ada di institusi pendidikan kerajaan mahupun swasta. Bagi tujuan tersebut sembah Yang Berhormat, SOP Institusi Pendidikan Swasta (SOP-IPS) telah dikemas kini dan mula dikuatkuasakan pada Januari 2026.

Prosedur berkenaan merangkumi elemen pendaftaran sekolah, guru dan yuran, di samping aspek baharu seperti kelulusan binaan bangunan, aktiviti luar, penempatan tenaga pengajar serta pemantauan secara berterusan.

Pada kesempatan tersebut, Yang Berhormat Menteri Pendidikan turut menyampaikan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para penerima Anugerah Hari Guru Ke-36 serta merakamkan setulus penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga guru di NBD.

"Segala jasa dan dedikasi para guru akan sentiasa dikenang dan dihargai sebagai nadi kepada pembangunan pendidikan yang lestari dan inovatif," ujar Yang Berhormat.

PAMERAN KETENGAHKAN BIMBINGAN GENERASI HARMONI, BERINOVATIF



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Pameran Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-36, Tahun 2026 dan seterusnya melancarkan Portal Pelancongan Pendidikan NBD (atas kiri dan atas).

BERAKAS, Rabu, 23 September.
- Pameran Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-36, Tahun 2026 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas menentangakan tema 'Mendidik Dengan Hikmah, Membimbing Generasi Harmoni dan Berinovatif'.

Sub-tema 'Mendidik Dengan Hikmah, Membimbing Generasi Harmoni dan Berinovatif' menekankan peranan guru

sebagai pendidik berwibawa yang membimbing pelajar secara berhikmah, bijaksana dan beretika dalam membentuk pemikiran yang kritis, kreatif dan berdaya tahan, di samping memupuk sahsiah terpuji serta akhlak mulia.

Melalui bimbingan yang berterusan, guru berperanan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat, inklusif dan harmoni, berteraskan nilai kemanusiaan sebagai asas

kepada pendidikan yang lestari.

Pada pameran tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berkenan melancarkan Portal Pelancongan Pendidikan NBD.

Pelancaran Portal Pelancongan Pendidikan NBD

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

merupakan inisiatif strategik negara dalam memperkukuh kedudukan NBD sebagai destinasi pendidikan bertaraf antarabangsa, hasil kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Perdagangan, Ekonomi dan Industri.

Portal ini berfungsi sebagai gerbang digital nasional yang menghimpunkan peluang pendidikan, penyelidikan dan pengalaman pembelajaran dalam satu platform bersepadu.

>> Muka 11



SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Pameran Sambutan Hari Guru NBD Ke-36, Tahun 2026 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada salah seorang peserta pameran.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengar sembah penerangan daripada para peserta pameran pada majlis tersebut (atas kiri dan atas kanan).

>> Muka 10

Ia memudahkan pelajar, penyelidik, ahli akademik dan pengunjung antarabangsa meneroka pelbagai program, sambil mempromosikan NBD sebagai destinasi pendidikan berkualiti tinggi yang aman, selamat, lestari dan berteraskan nilai Melayu Islam Beraja (MIB).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya dijunjung menyaksikan pameran-pameran di bawah Pendidikan Teras iaitu dari Sekolah Rendah Kampung Menengah dengan tajuk pameran 'Project G.R.O.W. (Green Rainwater & Outdoor Wisdom) dan Amalan Hijau Sekolah' serta Sekolah Menengah Lambak Kiri dengan tajuk pameran 'Garden Based Learning'.

Baginda kemudiannya berkenan menyaksikan pameran dari Jabatan Pendidikan Khas dengan tajuk pameran 'Greening Education : Memupuk Kelestarian Melalui Inovasi, Pendidikan dan Amalan Hijau di Sekolah-sekolah'. Pameran ini menentang usaha pemuliharaan laut dan alam sekitar melalui pendidikan, aktiviti kesukarelawanan serta inovasi teknologi hijau.

Sementara itu, Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) dari Pendidikan Swasta dengan tajuk pameran 'Perubahan Melalui Kelestarian (Change through Sustainability)' menentang komitmen JIS dalam membudayakan kelestarian melalui pendidikan dan amalan mesra alam.

Sebagai sekolah pertama di NBD yang melaksanakan pemasangan sistem tenaga solar berskala besar

pada Jun 2024, JIS telah memasang lebih daripada 600 panel solar yang dijangka menjana sekitar 600,000kWh tenaga bersih setiap tahun, sekali gus mengurangkan jejak karbon sekolah dan menyokong penggunaan tenaga boleh diperbaharui.

Antara yang turut menyertai pameran ialah institusi pendidikan teknikal dan vokasional serta institusi pengajian tinggi seperti Politeknik Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Universiti Teknologi Brunei dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Pameran Hari Guru Ke-36, Tahun 2026 pada kali ini terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu Ruang Centerpiece dan Ruang Pameran. Dalam Ruang Centrepiece mempamerkan petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Syair Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Manakala bagi Ruang Pameran pula menentang pameran penyertaan pelajar daripada sekolah rendah dan menengah, institusi pendidikan teknikal dan

vokasional serta institusi pengajian tinggi, di samping penglibatan jabatan - jabatan di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sebanyak sembilan petak pameran disediakan bagi menentang pelbagai inisiatif, inovasi dan amalan terbaik dalam bidang pendidikan. Pameran ini turut diselenggarakan dengan dua pelancaran utama, iaitu Portal Pelancongan Pendidikan NBD dan Strategi Kebangsaan Celik Kewangan 2026-2035.

Pada pameran tersebut juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut melancarkan Strategi Kebangsaan Celik Kewangan 2026-2035. Ia menandakan komitmen baharu NBD dalam memperkukuh celik kewangan, daya tahan kewangan dan kesejahteraan kewangan rakyat.

Diterajui oleh Majlis Kebangsaan Celik Kewangan (National Financial Literacy Council, NFLC), strategi ini menggariskan pendekatan bersepadu untuk memperkasa individu serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dengan pengetahuan, kemahiran dan keyakinan bagi membuat

keputusan kewangan yang bijak, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Dalam pameran tersebut, MKCK (Urus Setia Kementerian Pendidikan, Tabung Amanah Pekerja dan Brunei Darussalam Central Bank) telah melancarkan Strategi Kebangsaan Celik Kewangan 2026-2035, dengan menentang visi, strategik utama dan pelan pelaksanaannya dan melancarkan laman sesawang Usinwise (Fasa 2), platform digital

celik kewangan kebangsaan yang menyediakan sumber pendidikan, alat praktikal dan kandungan interaktif bagi menyokong pembelajaran kewangan sepanjang hayat.

Pelancaran ini juga merupakan julung kalinya MKCK menerbitkan Strategi Kebangsaan Celik Kewangan kepada orang ramai, sekali gus meningkatkan kesedaran terhadap hala tuju negara dalam memperkukuh celik kewangan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka anakanda baginda berkenan beramah mesra bersama para pelajar pada majlis berkenaan (kiri). Manakala gambar atas dan bawah, baginda berkenan mendengar sembah penerangan. Sementara gambar bawah sekali kiri, baginda dan paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai. Manakala gambar bawah sekali kanan, antara yang membuat persembahan.



MENGUKUHKAN PELUANG KERJASAMA MENERUSI PERTEMUAN DUA HALA

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam (NBD) berkenan berangkat mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Agung Komanwel, Puan Yang Terutama Shirley Ayorkor Botchwey dan Menteri Luar Negeri, Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Sayyid Badr bin Hamad bin Hamood Albusaidi (kiri dan atas).

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama Hakan Fidan. Kedua-dua belah pihak mengalu-alukan perkembangan berterusan dalam hubungan kerjasama dua hala dan

meneroka bidang - bidang kerjasama yang berpotensi, termasuk pertahanan, keselamatan makanan dan tenaga. Kedua-dua belah pihak juga turut bertukar - tukar pandangan mengenai hubungan

ASEAN-Türkiye serta isu-isu serantau dan antarabangsa.

DYTM juga mengadakan pertemuan dengan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Seyyed Abbas Araghchi. Kedua-dua belah pihak mengalu-alukan hubungan kerjasama dua hala yang mesra di antara kedua-dua buah negara dan membincangkan peluang untuk mengeratkan lagi hubungan kerjasama. Kedua-dua belah pihak turut bertukar pandangan mengenai perkembangan serantau dan antarabangsa.

DYTM seterusnya mengadakan pertemuan dengan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Sergey Lavrov. Kedua-dua belah pihak mengalu-alukan Sambutan Ulang Tahun Ke-35 Hubungan Diplomatik di antara NBD dan Persekutuan Rusia pada tahun ini, serta peluang bagi memperkukuh lagi hubungan dua hala. Kedua-dua belah pihak juga membincangkan hubungan ASEAN-Rusia dan menegaskan semula kepentingan ASEAN Centrality, serta turut bertukar pandangan mengenai perkembangan antarabangsa.

NEW YORK, AMERIKA SYARIKAT, Khamis, 24 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam (NBD) berangkat mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Agung Komanwel, Puan Yang Terutama Shirley Ayorkor Botchwey.

Pada pertemuan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen menegaskan semula komitmen NBD untuk bekerjasama dengan Negara-negara Ahli Komanwel serta mengalu-alukan kerjasama yang berterusan dengan Sekretariat Komanwel. Kedua-dua belah pihak juga membincangkan mengenai persediaan Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel (CHOGM) pada November 2026.

Duli Yang Teramat Mulia juga mengadakan pertemuan dengan Menteri Luar Negeri, Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Sayyid Badr bin Hamad bin Hamood Albusaidi. Kedua-dua belah pihak menegaskan semula hubungan kerjasama dua hala yang erat dan sekian lama terjalin di antara kedua-dua buah negara dan mengalu-alukan peluang untuk mengeratkan lagi hubungan kerjasama dalam bidang-bidang yang mempunyai kepentingan bersama. Kedua-dua belah pihak turut bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan serantau dan antarabangsa.

Pada sebelah petang, DYTM turut mengadakan pertemuan dengan Presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi Sesi

Ke-81, Tuan Yang Terutama Dr. Khalilur Rahman; dan menyatakan komitmen NBD untuk bekerjasama rapat dengan Tuan Yang Terutama sepanjang tempoh menjadi presiden bagi sesi kali ini. Kedua-dua belah pihak juga membincangkan usaha - usaha pembaharuan PBB.

DYTM kemudiannya mengadakan pertemuan dengan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat mengadakan pertemuan dengan Presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi Sesi Ke-81, Tuan Yang Terutama Dr. Khalilur Rahman; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama Hakan Fidan; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Seyyed Abbas Araghchi; dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Sergey Lavrov (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).



Kepentingan tindakan bersepadu melalui usaha diplomasi



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan mengurniakan sabda (atas). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berangkat menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Tahunan Menteri-menteri Luar Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

NEW YORK, AMERIKA SYARIKAT, Khamis, 24 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam (NBD) berangkat menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Tahunan Menteri-menteri Luar Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang diadakan semasa Minggu Peringkat Tinggi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Sesi Ke-81 bertempat di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Amerika Syarikat.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen menekankan kepentingan tindakan bersepadu dalam kalangan Negara-negara Ahli OIC melalui usaha diplomasi yang

diselaraskan dan penglibatan yang lebih kukuh di PBB, khususnya mengenai Palestin.

Duli Yang Teramat Mulia juga menekankan keperluan untuk menegakkan undang - undang antarabangsa, menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah Lubnan serta melindungi orang awam.

DYTM seterusnya berangkat menghadiri Mesyuarat Peringkat Tinggi Ministerial Global Alliance for the Implementation of the Two-State Solution dan menegaskan semula sokongan NBD terhadap penubuhan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat berdasarkan sempadan sebelum tahun 1967, dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu kotanya.

DYTM menyeru bagi diadakan gencatan senjata yang kekal, akses bantuan kemanusiaan tanpa halangan dan perlindungan orang awam, di samping

menekankan keperluan tindakan padu antarabangsa bagi memelihara keutuhan wilayah Palestin dan mencapai keamanan yang adil dan berkeadilan.



PERTEMUAN DUA HALA JALIN KERJASAMA LEBIH ERAT



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan pertemuan dengan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Lê Hoài Trung dan Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Qatar, Tuan Yang Terutama Sultan bin Saad Al-Muraikhi (kiri sekali dan kiri).

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

NEW YORK, AMERIKA SYARIKAT, Rabu, 23 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam mengadakan

pertemuan dua hala semasa Minggu Peringkat Tinggi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Sesi Ke-81.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen mengadakan pertemuan dengan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik

Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Lê Hoài Trung. Kedua pihak menegaskan semula kerjasama dua hala yang sangat baik di bawah Perkongsian Komprehensif dan mengalu-alukan Sambutan Ulang Tahun ke-35 Penubuhan Hubungan Diplomatik pada tahun 2027 termasuk pertukaran lawatan di peringkat tinggi. Kedua pihak juga menyatakan komitmen

untuk terus memperkukuh hubungan dalam bidang-bidang yang berkepentingan bersama.

Duli Yang Teramat Mulia juga mengadakan pertemuan dengan Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Qatar, Tuan Yang Terutama Sultan bin Saad Al-Muraikhi. Kedua pihak mengalu - alukan kemesraan hubungan kerjasama dua hala yang sekian lama terjalin di

antara kedua buah negara yang genap memasuki tempoh 35 tahun pada tahun 2026.

Kedua pihak bersetuju untuk memperkukuh kerjasama dalam bidang-bidang yang mempunyai kepentingan bersama termasuk pertukaran lawatan di peringkat tinggi, kesalinghubungan dan di pertubuhan - pertubuhan antarabangsa. Kedua pihak juga turut bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan serantau dan antarabangsa

Diplomasi, undang-undang antarabangsa jadi teras tangani cabaran keselamatan serantau



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Peringkat Menteri Kali Ke-19 The Global Governance Group (3GMM) dan Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN dan Majlis Kerjasama Teluk (GCC) di Perwakilan Tetap Republik Singapura ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York.

NEW YORK, AMERIKA SYARIKAT, Rabu, 23 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri Acara Triti sempena Minggu Peringkat Tinggi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Sesi Ke-81 bertempat di Ibu Pejabat PBB di New York, Amerika Syarikat.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen menyerahkan Instrumen Ratifikasi Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Konvensyen Undang-Undang

Lautan PBB berkaitan Pemuliharaan dan Penggunaan Mampan Kepelbagaian Biologi Marin di Kawasan Luar Bidang Kuasa Kebangsaan, yang juga dikenali sebagai Perjanjian BBNJ.

Penyerahan Instrumen Ratifikasi tersebut menandakan bermulanya komitmen rasmi NBD terhadap Perjanjian BBNJ dan akan membolehkan negara mengambil bahagian sepenuhnya dalam pelaksanaan perjanjian tersebut.

Duli Yang Teramat Mulia

DULI Yang Teramat Mulia berkenan bergambar ramai ketika berangkat menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN-GCC.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menyerahkan Instrumen Ratifikasi Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Konvensyen Undang-Undang Lautan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkaitan Pemuliharaan dan Penggunaan Mampan Kepelbagaian Biologi Marin di Kawasan Luar Bidang Kuasa Kebangsaan, yang juga dikenali sebagai Perjanjian BBNJ.

Semasa Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN-GCC, DYTEM bersabda menekankan kepentingan menangani cabaran keselamatan serantau melalui diplomasi dan penghormatan terhadap undang - undang antarabangsa, di samping memperkukuhkan daya tahan ekonomi ASEAN - GCC melalui peningkatan kerjasama dalam keselamatan tenaga, perdagangan dan kepelbagaian rantaian bekalan.

menghadiri Mesyuarat Peringkat Menteri Kali Ke-19 The Global Governance Group (3GMM) dan Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN dan Majlis Kerjasama Teluk (GCC) di Perwakilan Tetap Republik Singapura ke PBB di New York.

DYTEM semasa 3GMM Ke-19 dengan tema 'Building an AI-Ready Country', bersabda menekankan potensi

Kecerdasan Buatan (AI) dalam menyokong pembangunan, termasuk dalam meningkatkan produktiviti, pendidikan, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan awam, serta menekankan kepentingan AI sebagai satu alat penting bagi pembangunan yang perlu disertai dengan langkah-langkah perlindungan yang sewajarnya.



BERANGKAT MENGHADIRI MINGGU PERINGKAT TINGGI PERHIMPUNAN AGUNG PBB SESI KE-81



NEW YORK, AMERIKA SYARIKAT, Rabu, 23 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam, kini berada di New York, Amerika Syarikat, bagi menghadiri Minggu Peringkat Tinggi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



Bersatu (PBB) Sesi Ke-81 di Ibu Pejabat PBB.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen pada sebelah pagi berangkat menghadiri upacara pembukaan Perdebatan Umum

Perhimpunan Agung PBB Sesi Ke-81 yang diadakan di bawah tema, 'Restoring Trust, Managing Transformation: A United Nations That Delivers for All'.

Sementara pada sebelah malam, Duli Yang Teramat Mulia

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam berkesan berangkat ke New York, Amerika Syarikat bagi menghadiri Minggu Peringkat Tinggi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Sesi Ke-81 (kiri). Sementara gambar kiri sekali, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam berkesan berangkat menghadiri Majlis Resepsi.

dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam berangkat menghadiri Majlis Resepsi yang dihoskan oleh Presiden Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Donald J. Trump, bersempena dengan Perhimpunan Agung PBB Sesi Ke-81 di Lotte New York Palace.

Majlis Resepsi raikan Hari Kebangsaan Arab Saudi Ke-96



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Resepsi Ulang Tahun Hari Kebangsaan Arab Saudi Ke-96 dan seterusnya bergambar ramai.

JERUDONG, Rabu, 23 September. - Kedutaan Besar Kerajaan Arab Saudi di Negara

Brunei Darussalam (NBD) malam tadi mengadakan Majlis Resepsi Ulang Tahun Hari Kebangsaan

Arab Saudi Ke-96 berlangsung di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, di sini.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Hadir selaku tetamu kehormat bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan isteri, Datin Norazimah binti Haji Ramlee.

Ketibaan tetamu kehormat dialu-alukan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Saleh bin Abdulkarim Al-Shiha. Acara dimulakan dengan lagu kebangsaan kedua-dua buah negara, diikuti dengan bacaan ayat suci Al-Quran yang dibacakan oleh

Awang Muhammad Ali dari Sekolah Arab Rimba.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat juga menerima cenderamata dan bunga daripada Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD.

Sambutan tahun ini bertemakan 'Kemuliaan Kami Adalah Pada Jati Diri Kami' atau 'Our Pride Is In Our Nature', melambangkan kebanggaan terhadap ciri-ciri utama masyarakat Arab Saudi seperti keberanian, wawasan, kemurahan hati, dan layanan tetamu yang tinggi (*hospitality*) di samping menggambarkan kebanggaan warisan masa lalu dan kemajuan masa hadapan.

Digitalisasi pacu sistem pengangkutan berdaya tahan



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Rabu, 23 September. - The 12th Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) Transportation Ministers' Meeting (TMM12) telah diadakan di Beijing, Republik Rakyat China, pada 22 September 2026.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Menteri Pengangkutan Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Liu Wei dan dihadiri oleh Menteri-menteri Pengangkutan

serta perwakilan dari Ekonomi-ekonomi Anggota APEC.

Dengan tema 'Collaboration and Innovation: Shaping a Better Future for Transportation in the Asia-Pacific Region', mesyuarat memberikan tumpuan kepada usaha memperkukuh keselamatan pengangkutan di rantau Asia-Pasifik serta menggalakkan penggunaan teknologi digital dan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) ke

arah membangunkan sistem pengangkutan yang lebih selamat, cekap dan berdaya tahan.

Perbincangan turut menekankan kepentingan meningkatkan keselamatan (interoperability), termasuk dalam bidang piawaian, aliran data, keselamatan algoritma dan perlindungan privasi bagi mendukung penerapan teknologi baharu dalam sektor pengangkutan.

Mesyuarat TMM12 telah menghasilkan Kenyataan Bersama yang, antara lain, menggalakkan usaha

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa menghadiri The 12th Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) Transportation Ministers' Meeting (TMM12) di Beijing, Republik Rakyat China.

untuk memperkukuh kerjasama praktikal dalam sektor pengangkutan ke arah mewujudkan komuniti Asia-Pasifik yang terbuka, dinamik, berdaya tahan dan aman menjelang tahun 2040, selaras dengan APEC Putrajaya Vision 2040.

Kenyataan Bersama berkenaan turut mengiktiraf peranan AI yang semakin meningkat dalam sektor pengangkutan dan menggalakkan ekonomi - ekonomi anggota untuk mempercepatkan inovasi secara selamat, termasuk dalam pengangkutan autonomi, serta memanfaatkan teknologi untuk sektor pengangkutan.

Bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), penyertaan dalam mesyuarat tersebut menyediakan platform untuk bertukar pandangan dan pengalaman serta meneroka peluang kerjasama dengan ekonomi - ekonomi anggota APEC, khususnya dalam bidang perhubungan, keselamatan, pendigitalan dan AI.

Kerjasama ini berpotensi mendukung peningkatan keselamatan pengangkutan serantau bagi memudahkan cara perdagangan, pelancongan serta pergerakan rakyat dan penduduk, di samping memanfaatkan teknologi yang bersesuaian untuk meningkatkan keselamatan, kecekapan dan penyampaian perkhidmatan ke arah sistem pengangkutan negara yang lebih bersepadu dan bersedia menghadapi perkembangan teknologi masa hadapan.

Delegasi NBD ke mesyuarat tersebut diketuai oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Delegasi turut disertai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Suhara Fadzali bin Haji Yusop serta pegawai-pegawai kanan dari kementerian berkenaan.

APEC Transportation Ministers' Meeting merupakan forum peringkat menteri bagi Ekonomi-ekonomi Anggota APEC untuk membincangkan hala tuju strategik serta memperkukuh kerjasama dalam sektor pengangkutan.

Menteri Hal Ehwal Ugama terima kunjungan hormat

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

BERAKAS, Rabu, 23 September. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan menerima kunjungan hormat daripada Member of the Standing Committee of the National People's Congress (NPC) of the People's Republic of China, Chairman of the Ethnic Affairs Committee of the NPC, Tuan Yang Terutama Bayin Chaolu dan delegasi, petang tadi.

Kunjungan hormat tersebut diadakan di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Darul Itqan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jalan Dewan Majlis.

Turut serta dalam kunjungan hormat tersebut ialah Member of the Standing Committee of the the NPC, Vice Chairman of the Ethnic Affairs Committee of the NPC, Tuan Yang Terutama Bai Shangcheng

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menerima kunjungan hormat daripada Member of the Standing Committee of the National People's Congress (NPC) of the People's Republic of China, Chairman of the Ethnic Affairs Committee of the NPC, Tuan Yang Terutama Bayin Chaolu.

dan Member of the Standing Committee of the NPC, Vice Chairman of the Ethnic Affairs Committee of the NPC, Puan Yang Terutama Zhou Min.

Juga turut serta, Director General of the Research Department of the Ethnic Affairs Committee of the NPC, Liu Jinglei; Level II Division-Rank Official of the Legislative Affairs Office of the Ethnic Affairs Committee of the NPC, Li Kangwei.

Mengiringi delegasi ialah bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak

Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Chen Shaochun.

Kunjungan hormat tersebut bertujuan untuk bertukar-tukar pandangan mengenai usaha memperkukuh kerjasama dua hala dalam bidang hal ehwal agama serta meningkatkan persefahaman bersama terhadap dasar-dasar keagamaan yang diamalkan oleh kedua-dua negara.

Hadir sama pada majlis kunjungan hormat tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.



Lebih 700 belia semarakkan Program Belia Berselawat



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu-tetamu khas pada Program Belia Berselawat sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-21 Tahun 2026 dan Sambutan Maulidur Rasul 1448 Hijrah.

■ **Oleh : Nooratini Haji Abas**
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 September. - Lebih 700 orang belia yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan dan swasta, serta penuntut institusi pengajian tinggi, pelajar sekolah-sekolah menengah kerajaan serta ahli-ahli persatuan dan pergerakan belia dan sukan menghadiri Program Belia Berselawat sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-21 Tahun 2026 dan Sambutan Maulidur Rasul 1448 Hijrah yang berlangsung di Dewan Riadah, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu-tetamu khas ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamsary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Atur cara diisikan dengan bacaan niat Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh wakil dari Belia Masjid As-Shaliheen, Awang Mohammad Rahiman bin Haji Abdul Rahman, dan diikuti dengan Dikir Maulud diketuai oleh Awang Muhammad Hazmi bin Haji Abd. Mutalib dari Ashabul Halim iaitu Belia Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku / Katok.

Majlis diteruskan dengan Forum Santai yang bertajuk 'Selawat Penyejuk Jiwa Belia' yang dibentangkan oleh tiga ahli panel iaitu penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Isham bin Awang Ismail; Duta Bahasa 2018, Awang Haji Abdul Rashid bin Awang Haji Damit; dan Kaunselor Bertauliah, Dayang Nurul Hazirah binti Haji Jahari.

Forum tersebut dimoderatkan oleh Yang Dipertua Persatuan Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Abdul Mujib bin Awang Sh'minan.

PARA ahli panel semasa membentangkan Forum Santai yang bertajuk 'Selawat Penyejuk Jiwa Belia'.

BANGUNAN PENJARA MARABURONG FASA 4 SIAP DISERAHKAN



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menyampaikan kunci simbolik berkenaan kepada Pemangku Pengarah Penjara, Awang Bahrin bin Haji Muhammad Yassin.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Penjara**

TUTONG, Rabu, 23 September. - Majlis Penyerahan Bangunan Penjara Maraburong Fasa 4 telah diadakan baru-baru ini bertempat di Penjara Maraburong, Tutong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Ketua Guru Ugama Institusi Penjara Maraburong Fasa 1, Awang Haji Azmi bin Haji Ahmad diikuti dengan bacaan Doa Selamat.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis diteruskan dengan penyerahan kunci simbolik oleh wakil syarikat yang dilantik kepada Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Chin Wei Keh untuk diserahkan kepada tetamu kehormat.

Seterusnya, kunci simbolik tersebut disampaikan kepada Pemangku Pengarah Penjara, Awang Bahrin bin Haji Muhammad Yassin.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan lawatan ke bengkel, dapur dan blok penjara berkenaan.

Turut hadir pada majlis penyerahan tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), pegawai-pegawai dari KHEDN dan pegawai-pegawai dari Jabatan Penjara.

Majlis diselenggarakan dengan Selawat Taffiriyah (An Naariyah), Selawat Badriyah, Selawat An-Nuur, Selawat Asy-Syifa dan Selawat Al-Fatih yang dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Lambak Berakas, mewakili Jawatankuasa Tertinggi Belia Masjid Senegara, Awang Mohammad Farhan @ Mohammad Ali bin Alim; manakala, bacaan Doa Pelihaaran Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh wakil Belia As-Shaliheen, Awang Muhd. Danish Hilman bin Aziz Shamri.

Majlis turut diserikan dengan persembahan tausyeh dari Kumpulan Dhafwatul 'Aisy iaitu Beliawanis Masjid Utama Mohammad Salleh, Bangar dan Kumpulan Firqah An-Naim dari Masjid An-Naim, Rancangan

Perumahan Negara Kampung Panchor Mengkubau.

Program Belia Berselawat Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-21 Tahun 2026M dan Sambutan Maulidur Rasul 1448H merupakan anjuran Jabatan Belia dan Sukan, KKBS dengan kerjasama Belia Masjid Senegara, KHEU.

Program tersebut dihasratkan untuk memperkukuh jati diri dan pembentukan akhlak mulia dalam kalangan belia melalui penghayatan amalan berselawat, di samping menjadi wadah untuk menghimpunkan masyarakat Islam, khususnya golongan belia, bagi bersama-sama memperbanyakkan selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



GURU PENERAJU PERUBAHAN, PEMACU PEMBAHARUAN PENDIDIKAN



MUNAJAT Khas Hari Guru anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-248 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan sempena Sambutan Hari Guru Ke-36, Tahun 2026 yang diadakan secara maya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 September. – Guru berperanan penting sebagai peneraju perubahan yang membawa pendidikan ke arah kelestarian dan pembaharuan, selaras dengan hasrat Wawasan Brunei 2035, khususnya matlamat melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Kemuliaan tugas seorang guru ditekankan berdasarkan tuntutan Al-Quran dan hadis, yang meletakkan kedudukan istimewa bagi golongan berilmu dan yang mengamalkannya. Matlamat sebenar pendidikan dijelaskan bukan sekadar untuk memenuhi

minda pelajar dengan ilmu tetapi turut membentuk akhlak dan sahsiah supaya lahir insan yang bertanggungjawab dan memberi manfaat kepada masyarakat, negara dan agama.

Perkara berkenaan antara yang dijelaskan dalam tazkirah bertajuk 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi' disampaikan oleh Penolong Ra'es III (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md. Sofian, dari Surau KUPU SB dalam menyerikan Munajat Khas Hari Guru anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-248

dengan kerjasama Kementerian Pendidikan sempena Sambutan Hari Guru Ke-36, Tahun 2026 yang diadakan secara maya.

Di samping itu, jelasnya lagi, peranan guru sebagai pencetus impak berganda di mana kesan didikan seorang guru tidak terhenti pada seorang pelajar semata-mata, tetapi berterusan merentasi generasi. Kepentingan mempertahankan nilai-nilai murni seperti kejujuran, amanah dan sikap saling menghormati turut ditekankan walaupun zaman dan cabaran semasa terus berubah, dengan kaitannya kepada objektif Maqasid Syariah dalam memelihara kemaslahatan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama

umamah.

Beliau seterusnya menjelaskan, keperluan guru untuk terus relevan dengan inovasi dan teknologi digital termasuk penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) secara beretika, tanpa menggugurkan sentuhan insani (*hi-touch*) yang menjadi teras profesion keguruan.

"Secara keseluruhannya, peranan guru kekal relevan dan tidak boleh digantikan walau sepantas mana perubahan zaman, malah menjadi semakin penting dalam membentuk generasi yang berilmu, berakhlak, dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan," ujarnya lagi.

Antara yang menyertai acara munajat pada petang tadi, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dari Dewan Utama Kementerian Pendidikan.

Turut serta, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal; Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, para pegawai, seluruh warga kerja dan pendidik, serta mahasiswa dan mahasiswi, serta para pelajar institusi-institusi pengajian di bawah KHEU dan Kementerian Pendidikan.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin

oleh Setiausaha Tetap KHEU, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Dekan Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Hambali bin Awang Haji Jaili dari Surau As-Syafi'i, UNISSA.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad dari Surau KUPU SB.

Kemudiannya diikuti dengan bacaan Doa Memohon Dikurniakan Hujan Sebab Dilanda Jerebu oleh Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah (ITQSHHB), Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit dari Musolla institut berkenaan.

Selesai tazkirah, majlis disusuli dengan laungan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai dipimpin oleh Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar KUPU SB Sesi 2026/2027, Awang Muhammad Nur Razin bin Rosli bersama Mahasiswa KUPU SB berkenaan bersiaran dari Surau KUPU SB.

Sebelum mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Dekan Fakulti Syariah, UNISSA, Dr. Haji Azme bin Haji Matali dari Surau As-Syafi'i, UNISSA.

Seminar perkasa kefahaman penguatkuasaan harta intelek dalam talian

Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 September. – Bersempena dengan Minggu Penguatkuasaan Harta Intelek yang diraikan setiap tahun oleh Ahli Negara-negara ASEAN di bawah naungan ASEAN Network of Intellectual Property Enforcement Experts (ANIEE), Pejabat Harta Intelek Brunei (BruIPO) telah menganjurkan seminar bertajuk 'Digital and Online Intellectual Property Infringement and Enforcement' pada hari ini di Dewan Jubli Emas, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Pejabat Peguam Negara.

Seminar berkenaan bertujuan untuk memberikan kefahaman yang lebih mendalam kepada para peserta mengenai landskap penguatkuasaan Negara Brunei

Darussalam (NBD), cabaran-cabaran semasa dalam persekitaran digital dan langkah-langkah praktikal untuk menangani pelanggaran harta intelek di persekitaran dalam talian.

Seminar berkenaan juga bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama antara agensi-agensi kerajaan, pemegang hak, pengamal undang-undang, perniagaan, dan pengguna dalam melindungi inovasi dan kreativiti dalam talian.

Acara berkenaan dirasmikan oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib, selaku Pendaftar Tanda Perniagaan, Paten dan Reka Bentuk Perindustrian.

Yang Berhormat menekankan tanggungjawab bersama bagi melindungi harta intelek dalam pasaran digital serta kepentingan penguatkuasaan harta intelek dan adalah diperakui bahawa teknologi baru khususnya Kecerdasan Buatan (AI), memberikan peluang dan cabaran, sekali gus menimbulkan persoalan baharu mengenai pemilikan, kesahihan dan akauntabiliti.

Sehubungan itu, Yang Berhormat menegaskan tentang keperluan kerjasama serantau dan antarabangsa bagi menangani



YANG Berhormat Peguam Negara hadir pada acara berkenaan yang diadakan di Dewan Jubli Emas, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Pejabat Peguam Negara (atas dan atas kiri).

pelanggaran rentas sempadan secara berkesan.

Penceramah dari BruIPO, Bahagian Keadilan Jenayah dari Pejabat Peguam Negara serta penceramah jemputan dari Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Persatuan Undang-Undang NBD, Jabatan Harta Intelek Thailand dan Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO), berkongsi pandangan mengenai landskap penguatkuasaan di NBD, pendekatan-pendekatan praktikal dalam menangani pelanggaran

dalam talian serta kesan teknologi baru seperti AI dan kepentingan kerjasama antara pihak berkepentingan dalam membina suatu pasaran digital yang dipercayai.

Seminar berkenaan yang dihadiri oleh para peserta daripada agensi-agensi kerajaan, sektor perundangan dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan, menegaskan bahawa perlindungan harta intelek dalam era digital merupakan suatu tanggungjawab bersama.

Seminar tersebut juga mengukuhkan komitmen BruIPO

untuk memperkukuh kerjasama dan keupayaan penguatkuasaan bagi menangani pelanggaran harta intelek digital dan rentas sempadan, di samping meningkatkan keyakinan terhadap pasaran digital.

Melalui kerjasama dan perkongsian ilmu yang berterusan antara pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan, NBD dapat memupuk suatu persekitaran yang membolehkan inovasi dan kreativiti berkembang bagi manfaat perniagaan, pengguna dan masyarakat secara keseluruhannya.

RECAAP ISC CLUSTER MEETING 2026 PLATFORM PERKONGSIAN MAKLUMAT KESELAMATAN MARITIM

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



UCAPAN Pengarah Eksekutif, ReCAAP ISC, Dr. Vijay Digambar Chafekar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) baru-baru ini, telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Regional Cooperation Agreement on Combating Piracy and Armed Robbery against Ships in Asia Information Sharing Centre (ReCAAP ISC) Cluster Meeting 2026 yang berlangsung pada 22 hingga 23 September lalu, anjuran bersama Pasukan Polis Diraja

Brunei (PPDB) dan Pusat Penyelarasan Maritim Kebangsaan (PPMK), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Mesyuarat berkenaan dihadiri oleh wakil-wakil dari NBD, Kerajaan Kemboja, Republik Rakyat China, Republik Indonesia, Republik Filipina, Kerajaan Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam bagi membincangkan perkembangan semasa serta isu-isu berkaitan keselamatan maritim di rantau ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pembukaan mesyuarat berkenaan, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Sulaiman bin Alidin.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Undang-Undang), JPM, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad; Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Dato Seri Pahlawan Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris; Pemangku Pengarah Gerakan, Penolong Pesuruhjaya Polis, Awang Haji Hamri Aslan bin Haji Abu Hanafiah; Pengarah Eksekutif, ReCAAP ISC, Dr. Vijay Digambar Chafekar; dan Pengarah Pusat Penyelarasan Maritim Kebangsaan

(PPMK), JPM, Komander Malek Fadillah bin Pehin Datu Juragan Laila Diraja Dato Seri Pahlawan Haji Kefli, serta pegawai-pegawai kanan dan para peserta mesyuarat.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Gerakan, PPDB, diikuti dengan ucapan pembukaan dan perasmian mesyuarat oleh Pengarah Eksekutif ReCAAP ISC.

ReCAAP ISC Cluster Meeting 2026 menyediakan platform kepada negara-negara peserta untuk berkongsi maklumat, pandangan dan pengalaman, di samping memperkukuh kerjasama dalam menangani cabaran keselamatan maritim yang menjadi kepentingan bersama.

Antara perkara utama yang dibincangkan semasa mesyuarat berkenaan ialah situasi semasa serta usaha-usaha berterusan untuk mengurangkan risiko kegiatan lanun dan rompakan bersenjata terhadap kapal. Perbincangan berkenaan turut memberi peluang kepada negara-negara peserta untuk berkongsi perspektif, pengalaman dan usaha masing-masing dalam menangani ancaman berkenaan, di samping mengenal pasti pendekatan yang dapat menyumbang ke arah meningkatkan keselamatan dan



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pembukaan mesyuarat berkenaan.

perlindungan kapal serta para pelaut, sekali gus mewujudkan persekitaran maritim yang lebih selamat di rantau ini.

Penganjuran ReCAAP ISC Cluster Meeting 2026 di NBD mencerminkan kepentingan kerjasama dan perkongsian maklumat dalam menangani cabaran keselamatan maritim yang

merentasi sempadan negara.

Melalui perbincangan dan pertukaran pandangan antara negara-negara peserta, mesyuarat berkenaan bertujuan untuk terus memperkukuh hubungan kerja, persefahaman bersama serta usaha kolektif dalam mendukung keselamatan dan kestabilan maritim serantau.

Bengkel Strategik PPNBD perkukuh hala tuju strategik, pembangunan organisasi



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis serta menyempurnakan perasmian bengkel berkenaan.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

GADONG, Khamis, 24 September. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) hari ini mengadakan Bengkel Strategik Pelan PPNBD 2027-2032, sebagai langkah penting dalam menetapkan hala tuju strategik dan keutamaan pembangunan organisasi bagi tempoh enam tahun akan datang.

Bengkel yang berlangsung selama tiga hari itu bermula hari ini hingga 26 September 2026, di Bilik Persidangan, Tingkat 4, Ibu Pejabat PPNBD.

Sehubungan itu, majlis perasmian bengkel telah diadakan pagi tadi dan disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fadzi bin Haji Amdan selaku tetamu kehormat.

Bengkel dipimpin oleh Ketua Pesuruhjaya PPNBD, Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin, selaku Pengarah Bengkel.

Dalam ucapan alu-aluannya,

Awang Haji Junaidi menekankan bahawa bengkel tersebut bukan sekadar satu sesi perbincangan, tetapi merupakan wadah untuk menilai semula pencapaian dan kelemahan PPNBD, menyelaraskan visi, misi serta nilai bersama, dan seterusnya merangka strategi yang kreatif, realistik dan berimpak bagi pembangunan organisasi.

Beliau turut mengetengahkan tema bengkel, 'Bersama Merancang, Melangkah Lebih Jauh', yang mencerminkan hasrat PPNBD untuk bersama-sama menentukan arah tuju organisasi dalam menghadapi perubahan dan cabaran baharu, di samping memanfaatkan peluang yang ada.

Menurutnya, kejayaan pelan strategik yang bakal dihasilkan tidak bergantung kepada seorang individu sahaja, sebaliknya memerlukan kepakaran, pandangan yang telus serta pemikiran di luar kotak daripada

setiap fungsi yang terlibat.

Beliau turut menyeru agar para peserta mengambil bahagian secara aktif, berani menyumbangkan idea dan terbuka menerima pandangan demi kebaikan PPNBD.

Bengkel merupakan sebahagian daripada usaha PPNBD untuk melaksanakan proses perancangan strategik yang menyeluruh, tersusun dan berpandangan jauh dalam memperkukuh kedudukan organisasi serta memastikan pergerakan pengakap di Negara Brunei Darussalam (NBD) terus berkembang selaras dengan keperluan semasa dan aspirasi masa hadapan.

Sepanjang bengkel, para peserta akan menilai pencapaian, prestasi dan kedudukan semasa PPNBD, termasuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan cabaran yang mempengaruhi pembangunan organisasi.

Perbincangan turut memberi tumpuan kepada semakan dan pengukuhan visi, misi serta

nilai-nilai teras PPNBD, di samping mengenal pasti isu-isu strategik yang perlu diberikan keutamaan bagi memastikan pembangunan organisasi yang lebih mampan, efektif dan berdaya tahan.

Antara hasil utama yang disasarkan ialah pembentukan teras-teras strategik PPNBD bagi tempoh 2027-2032, berserta objektif strategik, strategi dan inisiatif utama yang jelas, realistik serta boleh dilaksanakan.

Bagi memastikan pelaksanaan Pelan Strategik dapat dipantau dan dinilai secara berkesan, bengkel ini turut memberi perhatian kepada pembangunan Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicators - KPI) serta sasaran pencapaian yang boleh diukur.

Selain itu, para peserta akan membangunkan pelan tindakan dan pelan hala tuju (*roadmap*) yang sistematik bagi memastikan setiap strategi dapat dilaksanakan berdasarkan keutamaan serta tempoh yang telah ditetapkan.

Bengkel yang melibatkan kira-kira 60 orang peserta ini turut menghimpunkan wakil dari Majlis Pengakap Kebangsaan PPNBD, Majlis Eksekutif Kebangsaan, Majlis Pesuruhjaya Kebangsaan PPNBD, keempat-empat Majlis Persatuan Pengakap Daerah serta Sekretariat Pengakap Kelana Kebangsaan.

Sepanjang tiga hari pelaksanaan, bengkel tersebut merangkumi 15 sesi perbincangan, yang bermula dengan penilaian dan perancangan strategik sehingga kepada sesi 'Commitment & Strategic Confirmation'.

Proses perancangan ini turut menekankan kepentingan komitmen, kesepakatan dan rasa pemilikan (*ownership*) dalam kalangan kepimpinan PPNBD.

Pendekatan tersebut diharap

dapat memastikan pelan yang dibangunkan bukan sahaja menjadi dokumen strategik, tetapi dapat diterjemahkan kepada tindakan dan hasil yang nyata dalam pembangunan organisasi.

Bengkel seterusnya akan menghasilkan Draf Pelan Strategik PPNBD 2027-2032 yang komprehensif untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh Majlis Pengakap Kebangsaan sebelum dijadikan sebagai dokumen rasmi organisasi.

Pelan Strategik tersebut akan menjadi panduan utama PPNBD dalam menentukan keutamaan, menetapkan sasaran serta menyelaraskan pelbagai usaha pembangunan organisasi sepanjang tempoh 2027 hingga 2032.

Melalui perancangan strategik ini, PPNBD terus komited untuk memperkukuh tadbir urus dan kapasiti organisasi, memperkasa kepimpinan serta memastikan pergerakan pengakap terus memberikan pengalaman dan peluang pembangunan yang bermakna kepada golongan muda di NBD.

Bengkel Strategik Pelan PPNBD 2027-2032 ini mencerminkan komitmen PPNBD untuk terus melihat ke hadapan, menyesuaikan organisasi dengan perubahan semasa serta membina asas yang kukuh bagi kesinambungan dan pembangunan pergerakan pengakap di NBD.

Turut hadir ialah Pengarah Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Julaihi bin Mohamad; Wakil Pengarah Jabatan Sekolah-Sekolah; Yang Dipertua PPNBD, ACP (B) Haji Murad bin Haji Abd. Hadi; Ahli-ahli Majlis Pengakap Kebangsaan, pesuruhjaya-pesuruhjaya serta para peserta bengkel.



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Mencari rezeki atau bekerja bukanlah sekadar rutin harian, bahkan merupakan amanah dan tanggungjawab, sama ada seseorang itu bekerja sendiri, di sektor awam mahupun di sektor swasta. Dalam

dunia pekerjaan masa kini, kejayaan sesebuah organisasi tidak seharusnya diukur semata-mata melalui pencapaian sasaran hasil, produktiviti dan keuntungan semata-mata tetapi juga melalui nilai, akhlak serta budaya kerja yang diamalkan oleh warganya.

Oleh itu, adalah penting untuk kita mewujudkan persekitaran kerja yang sihat agar setiap individu dapat menyelesaikan tugas dengan selesa, minda yang tenang dan menghasilkan mutu kerja yang berkualiti dan bermanfaat. Persoalannya, apakah langkah yang boleh kita ambil untuk membina persekitaran kerja yang benar-benar sihat dan sejahtera? Persekitaran kerja yang baik, sihat dan selamat bukan sekadar bergantung pada ruang kerja yang selesa, kelengkapan yang mencukupi atau kemudahan asas seperti bilik ibadah dan tandas yang bersih. Lebih daripada itu, ia turut merangkumi kesejahteraan jasmani, emosi, mental dan rohani setiap individu supaya mereka dapat melaksanakan tugas dengan tenang, bertindak dengan yakin dan bekerja dengan penuh semangat.

Bagi memastikan budaya kerja yang sihat dan sejahtera benar-benar dapat direalisasikan, beberapa aspek utama perlu diberi perhatian, antaranya :

Pertama : Aspek keselamatan hendaklah diutamakan. Tempat kerja perlu bebas daripada sebarang risiko bahaya

serta dilengkapi dengan kemudahan yang selamat.

Kedua : Kesihatan mental wajar diberi perhatian. Kita hendaklah menjauhi budaya saling menyalahkan, merendahkan reputasi atau bersikap negatif sesama rakan sekerja. Sebaliknya, marilah kita membina suasana yang saling menyokong, memahami dan menghargai antara satu sama lain.

Ketiga : Komunikasi yang berhemah hendaklah sentiasa diamalkan. Setiap interaksi dalam urusan kerja hendaklah menggunakan kata-kata yang sopan, jelas dan profesional. Pada masa yang sama, biasakan diri untuk mendengar dengan hati yang terbuka serta menghormati pandangan orang lain, walaupun berbeza daripada pandangan kita.

Keempat : Hubungan kerja yang harmoni hendaklah sentiasa dipelihara. Apabila kita saling menghargai, menghormati, bekerjasama serta ringan tulang membantu antara satu sama lain, akan melahirkan suasana kerja yang lebih tenang dan menyenangkan.

Kelima : Keseimbangan dalam bekerja perlu sentiasa dijaga. Produktiviti sememangnya penting. Namun kesihatan dan kesejahteraan diri juga tidak boleh diabaikan.

Sesungguhnya membina dan

memperkasa persekitaran kerja yang sihat dan sejahtera bukanlah satu perkara yang mustahil untuk direalisasikan. Usaha ini tidak semestinya bermula dengan perubahan yang besar atau drastik, sebaliknya cukup bermula daripada diri kita sendiri iaitu melalui tutur kata yang baik, sikap saling menghormati serta kebijaksanaan dalam mengawal emosi dan tekanan. Apabila tempat kerja berada dalam keadaan selesa dan selamat serta setiap warga kerja berasa dihargai dan dipercayai, mereka bukan sekadar menyempurnakan tugas yang diberikan, malah mereka akan melaksanakannya dengan ikhlas, penuh rasa tanggungjawab dan komitmen yang tinggi. Akhirnya, marilah kita memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar setiap pekerjaan yang kita laksanakan diberkati dan dikurniakan rezeki yang halal lagi baik serta dilimpahi keberkatan. Semoga segala usaha dan pengorbanan kita pada hari ini bukan sahaja membuahkan kejayaan di dunia, bahkan menjadi cahaya yang menerangi perjalanan kita menuju akhirat kelak. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Maka makanlah yang halal lagi baik daripada rezeki yang Allah telah dikurniakan kepada kamu (wahai orang-orang yang beriman) dan syukurilah nikmat Allah itu jika benar kamu hanya beribadah kepada-Nya". (Surah An-Nahl, ayat 114)

Khutbah Jumaat Khas di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong sempena Penubuhan 60 Tahun (Jubli Intan)

MARILAH kita terus berikrar untuk bertaqwa kepada Allah, kerana taqwalah yang menentukan status kita paling mulia.

Kita sekarang berada di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, untuk memperingati Jubli Intan Penubuhannya 60 Tahun. Jangka masa 60 Tahun bukanlah pendek tetapi panjang. Dan dalam masa sepanjang itu berapa ramai petugas telahpun berkhidmat di dalamnya. Semua petugas masjid mempunyai kedudukan istimewa di sisi Allah. Bermula dari imam, bilal, marbut, sampai kepada tukang sapu masjid mempunyai kedudukan yang istimewa itu. Di zaman Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* terdapat seorang perempuan berkulit hitam yang namanya Ummu Mihjan. Ummu Mihjan ini telah menjadikan dirinya sebagai pekerja sukarela tetap untuk membersihkan dan menyapu masjid tanpa mengambil sebarang upah atau gaji. Perempuan ini pada tiap-tiap hari kelihatan berada di masjid membersihkan masjid. Tetapi pada suatu hari perempuan tersebut tidak kelihatan di masjid, lalu Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* pun bertanya kepada para sahabat: "Mana perempuan itu?" Para sahabat menjawab : "Wahai Rasulullah dia telah pun meninggal dunia." Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* dengan rasa kesal bersabda : "Mengapa kamu tidak memberitahu aku? Boleh aku menyembahkannya?" Para sahabat menjawab : "Pada hari perempuan itu meninggal, cuaca amat panas, makanya kami tidak memberitahu tuan kerana tidak mahu tuan terganggu oleh cuaca yang sangat panas itu." Mendengar ini Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* meminta untuk dibawa ke kuburan perempuan itu dan Baginda Sembahyang Jenazah di atas kuburnya. Sesungguhnya sembahyang Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* ke atas jenazah adalah ia syafaat atau pertolongan

kepada si mati.

Begitu gambaran harga manusia petugas masjid. Masjid adalah rumah Allah, bukan rumah si polan-si polan, bukan! Tetapi rumah Allah. Rumah Allah jangan ia dihina, jangan ia dirosakkan, mentelah lagi dibakar, jangan! Jangan bakar masjid, membakar masjid adalah membakar rumah Allah.

Pada bulan Ogos yang lalu, di sebuah negara telah berlaku orang membakar masjid. Masjid rumah Allah dibakar, dibakar sampai musnah. Mereka yang membakar bersorak melihat masjid terbakar.

Wahai para pembakar masjid dan dunia! Ketahuilah oleh semua bahawa Allah pemilik masjid, rumahNya, tidak tidur. Allah sekali-kali tidak tidur. Allah tidak pernah tidur. Maka hanya setelah sedikit masa berlalu, Allah secara tiba-tiba bertindak, membalas perbuatan jahat para pembakar rumahNya, dengan memerintahkan air dan tanah susur untuk menghanyutkan kediaman-kediaman para pembakar masjid. Maka tampillah pemberita-pemberita membuat liputan bahawa korban banjir dan tanah susur adalah seramai 1,252 kematian dan 4,200 lagi masih hilang. Ini baru anggaran awal.

Demikian itu, Allah telah mengajar siapa yang membakar rumahNya, masjid. Perkara seperti ini juga telah berlaku seribu tahun lebih yang lampau, di mana tentera bergajah pimpinan seorang penguasa bernama Abrahah telah datang ke Mekah Al-Mukarramah untuk meruntuhkan Ka'bah, rumah Allah. Ya, Ka'bah juga adalah rumah Allah. Boleh bayangkan seekor sahaja gajah sudah cukup untuk menghancurkan Ka'bah, tetapi atas nama tentera bergajah, tentu sahaja bukan seekor gajah tetapi banyak gajah-gajah itu.

Sila sama-sama perhatikan bahawa pada masa tentera-tentera bergajah itu memasuki Mekah, adalah Allah yang ampunya Ka'bah tidak tidur. Sekali-kali Allah tidak tidur. Lalu, dengan kuasaNya, Dia telah mengutus

tentera dari langit berupa burung ababil untuk menghancurkan tentera bergajah. Kisah ini terakam dalam Al-Qur'an, firman Allah tafsirnya :

"*Tidaklah engkau (wahai Muhammad) mengetahui bagaimana Tuhanmu telah melakukan ke atas angkatan tentera (yang dipimpin oleh pembawa) gajah, yang bertujuan untuk meruntuhkan Ka'bah? Bukankah Tuhan mu telah menjadikan rancangan jahat mereka itu satu kerugian bagi mereka dan bahkan memusnahkan mereka sendiri? Dan Dia (Allah) telah menghantarkan kepada mereka burung-burung berpasukan, yang melontar mereka dengan batu-batu dari jenis tanah keras yang dibakar. Lalu (Allah) menjadikan mereka itu hancur berkecai seperti daun-daun kayu dimakan ulat*". (sila lihat Surah Al-Fil, ayat 1 hingga 5).

Rasa-rasanya memadailah dua contoh kejadian ini, menjadi iktibar kepada dunia,

KETAHUILAH oleh semua bahawa Allah pemilik masjid, rumahNya, tidak tidur. Allah sekali-kali tidak tidur.

Allah tidak pernah tidur.

Maka hanya setelah sedikit masa berlalu, Allah secara tiba-tiba bertindak, membalas perbuatan jahat para pembakar rumahNya, dengan memerintahkan air dan tanah susur untuk menghanyutkan kediaman-kediaman para pembakar masjid. Maka tampillah pemberita-pemberita membuat liputan bahawa korban banjir dan tanah susur adalah seramai 1,252 kematian dan 4,200 lagi masih hilang. Ini baru anggaran awal.

Demikian itu, Allah telah mengajar siapa yang membakar rumahNya, masjid. Perkara seperti ini juga telah berlaku seribu tahun lebih yang lampau, di mana tentera bergajah pimpinan seorang penguasa bernama Abrahah telah datang ke Mekah Al-Mukarramah untuk meruntuhkan Ka'bah, rumah Allah. Ya, Ka'bah juga adalah rumah Allah. Boleh bayangkan seekor sahaja gajah sudah cukup untuk menghancurkan Ka'bah, tetapi atas nama tentera bergajah, tentu sahaja bukan seekor gajah tetapi banyak gajah-gajah itu.

bahawa masjid sekali-kali jangan ia dikacau apatah lagi dibakar! Kerana membakar masjid akibatnya sangat buruk akan dibalas oleh Allah. Sebaliknya menghormati masjid akan mendapat rahmat daripada Allah. Maka oleh hal yang demikian, dengan ikhlas hati kita mencanangkan kepada dunia, kita menghibahkan kepada dunia: Wahai dunia, marilah sama-sama kita melakukan mesra masjid, rumah Allah. Tidak ada ruginya berbuat baik kepada masjid, tetapi sebaliknya awas! Dua contoh kejadian yang telah disebut, iaitu (1) Peristiwa membakar masjid pada Ogos yang lalu, dan (2) percubaan meruntuhkan Ka'bah pada seribu lebih tahun yang lampau, kedua-duanya itu telah pun dihukum oleh Allah dengan kebinasaan dan kehancuran. Apakah lagi yang belum cukup untuk kita dan dunia mengambil pengajaran daripada dua peristiwa ini?



KHUTBAH JUMAAT



CHANNEL WHATSAPP

SILA IMBAS KOD QR UNTUK MENDAPATKAN KHUTBAH JUMAAT YANG LENGKAP DAN UNTUK MENGIKUTI CHANNEL WHATSAPP KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.



جياتن حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MEMPERKASA BUDAYA KERJA YANG SIHAT DAN SEJAHTERA

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 13 RABIULAKHIR 1448 / 25 SEPTEMBER 2026
BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN, JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



PERSEKITARAN KERJA YANG SIHAT

Agar setiap individu dapat menyelesaikan tugas dengan selesa, minda yang tenang dan menghasilkan mutu kerja yang berkualiti dan bermanfaat



BERMULA DARIPADA DIRI KITA

Melalui tutur kata yang baik, sikap saling menghormati serta kebijaksanaan dalam mengawal emosi dan tekanan.



IKHLAS • TANGGUNGJAWAB • KOMITMEN

Apabila tempat kerja berada dalam keadaan selesa dan selamat, serta setiap warga kerja berasa dihargai dan dipercayai, mereka bukan sekadar menyempurnakan tugas yang diberikan, malah mereka akan melaksanakannya dengan ikhlas, penuh rasa tanggungjawab dan komitmen yang tinggi.

KEBAJIKAN, KESEJAHTERAAN MANGSA BENCANA TERUS DIBERI PERHATIAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 September. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), telah menyalurkan bantuan kewangan berjumlah keseluruhan BND86,300 kepada 96 orang ketua keluarga. Majlis berlangsung di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal

Bolkiah.

Daripada jumlah keseluruhan ketua keluarga yang menerima bantuan kewangan hari ini, seramai 78 ketua keluarga adalah mangsa yang terlibat dalam kejadian banjir, 10 ketua keluarga adalah mangsa kebakaran, empat ketua keluarga mangsa kejadian rumah roboh dan tidak selamat didiami dan empat ketua keluarga mangsa kejadian angin kencang yang mengakibatkan kerosakan bumbung rumah.

Sementara itu, sebagai



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana pada majlis berkenaan (atas kiri). Manakala gambar atas, sesi bergambar ramai yang diadakan di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

sokongan tambahan dua ketua keluarga yang terjejas akibat kejadian kebakaran turut menerima bantuan catuan makanan. Kesemua mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian bencana berkenaan dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan. Pemberian bantuan kewangan berkenaan bertujuan untuk

meringankan beban dan kesusahan yang ditanggung oleh mangsa-mangsa bencana serta membantu menjaga kebajikan dan kesejahteraan mereka sekeluarga. Usaha berkenaan mencerminkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah serta pegawai-pegawai dari KKBS.

Bengkel Latihan Storytelling perkasa kemahiran Jurupandu BKISHHB



Siaran Akhbar dan Foto : Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 September. - Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) hari ini memulakan Bengkel Latihan Storytelling bagi Jurupandu BKISHHB, yang diadakan secara *in-house* bagi memperkukuhkan kemahiran komunikasi, penyampaian dan teknik penceritaan dalam kalangan pegawai serta Penyelaras-penyelaras Galeri BKISHHB.

Bengkel yang berlangsung selama enam hari secara keseluruhan ini dibahagikan kepada dua sesi kumpulan, dengan Kumpulan 'A' mengikuti bengkel pada 23, 24 dan 26 September 2026, manakala Kumpulan 'B' akan menyertai bengkel pada 28 hingga 30 September 2026.

Bagi sesi pertama, seramai 21

orang peserta daripada Kumpulan 'A' menghadiri bengkel yang dikendalikan oleh Jimmy Leong, seorang Certified UNESCO Cultural Heritage Specialist Guide Trainer dan pakar dalam bidang *storytelling* di Malaysia.

Bengkel tersebut diadakan di Bilik Kuliah dan Galeri Pameran 1 hingga 9, BKISHHB, dengan sesi pada hari pertama memberi tumpuan kepada pengenalan asas seni dan ilmu *storytelling* serta kepentingannya sebagai satu kaedah komunikasi yang berkesan dalam penyampaian maklumat kepada para pengunjung.

Pada sesi sebelah pagi, peserta mengikuti 'Lecture: Concept of Storytelling', yang memberikan pendedahan mengenai konsep asas *storytelling* serta bagaimana teknik penceritaan dapat



BENGKEL Latihan Storytelling bagi Jurupandu BKISHHB bertujuan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan teknik penyampaian Jurupandu BKISHHB agar lebih profesional dan berkesan, di samping memperkasakan teknik penceritaan dalam menyampaikan maklumat berkaitan koleksi dan galeri pameran (atas dan kiri).

digunakan dalam konteks interpretasi di persekitaran muzium dan galeri.

Sementara itu, sesi sebelah petang diteruskan dengan 'Lecture: Storytelling Techniques', yang memberi tumpuan kepada teknik-teknik penyampaian cerita secara lebih berkesan dan menarik.

Penganjuran bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan teknik penyampaian Jurupandu BKISHHB agar lebih profesional dan berkesan, di samping memperkasakan teknik penceritaan dalam menyampaikan maklumat berkaitan koleksi dan galeri pameran.

Pendekatan *storytelling* juga diharapkan dapat membantu para jurupandu menyampaikan kandungan pameran dengan cara

yang lebih menarik, interaktif dan mudah difahami oleh pelbagai kategori pengunjung.

Selain itu, bengkel berkenaan turut memberi penekanan kepada usaha meningkatkan keyakinan dan keterampilan pegawai serta Penyelaras - penyelaras Galeri ketika mengendalikan lawatan berpandu, seterusnya menyumbang kepada pengalaman pengunjung yang lebih bermakna dan berorientasikan *visitor experience*.

Sepanjang bengkel, peserta akan didedahkan kepada pelbagai aspek *storytelling*, termasuk pemahaman mengenai elemen yang menjadikan sesuatu cerita berkesan dalam persekitaran muzium, cara memilih dan menyampaikan cerita secara efektif, penggunaan ekspresi vokal serta kaedah menyampaikan

nilai-nilai warisan dan perkongsian yang bermakna serta mudah diingat oleh para pengunjung.

Bengkel ini turut merangkumi sesi latihan praktikal dan simulasi lawatan berpandu di galeri pameran bagi membolehkan peserta mengaplikasikan pengetahuan dan teknik *storytelling* yang dipelajari dalam situasi sebenar.

Penganjuran bengkel ini mencerminkan komitmen BKISHHB dalam memperkukuhkan kompetensi sumber manusia, khususnya dalam aspek penyampaian interpretasi dan pengalaman lawatan, selaras dengan peranan BKISHHB sebagai sebuah institusi yang memelihara, mempamerkan dan memperkenalkan khazanah warisan ilmu Islam kepada orang ramai.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Digital Assessment For Student Learning Survey

MOE / LTK / 45 / 2026 / 2027 (SV-SEPT-2026)

Projek Menaiktaraf 13 Buah Bilik Tetamu Di Tingkat Tiga Bangunan Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND35.00

[Bayaran Yuran Tawaran Sebanyak BND30.00 Dan E-Dokumen Sebanyak BND5.00 Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu:
13 Oktober 2026 - Selasa
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



Tawaran Rancangan Pemakanan Sekolah

MOE / LTK / 44 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-SEPT-2026)]

Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Makan Bagi Sekolah Rendah Rataie, Daerah Temburong, Kementerian Pendidikan. Kod Blok: MTR/01 Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu:
13 Oktober 2026 - Selasa
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / T / 010-RPK
[JPPK / LTK / 15 / 2026]
Corrective Repair And Maintenance Of Building And Civil Works At Special Forces Regiment, Penanjong Garrison

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori:
KA01 & B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Dua Belas (12) Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran Dokumen:
BND500.00 satu set (dalam bentuk CD)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Selasa, 6 Oktober 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 13 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / T / 015 - TL
[JPPK / LTK / 27 / 2026]
Twelve (12) Months Waste Disposal Services At Muara Naval Base

Kelas:
II dan Ke atas

Kategori:
S01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Dua Belas (12) Bulan

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Isnin, 26 Oktober 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 November 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / T / 016 - TL
[JPPK / LTK / 28 / 2026]
Twelve (12) Months Maintenance Of The Swimming Pool At Muara Naval Base

Kelas:
III dan Ke atas

Kategori:
KA01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Dua Belas (12) Bulan

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Isnin, 26 Oktober 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 November 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
VI Sahaja

Kategori:
KA01, KPB04 Sahaja

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Selasa,
22 September 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
29 September 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 016 / 2026

Nama Projek:
Penambahbaikan Rangkaian Sistem Paip Air Utama Dan Tangki-Tangki Air Bagi Semua Daerah: Paip Air Utama Inlet Ke Tangki Utama Melabau, Daerah Brunei dan Muara

Yuran Tawaran:
BND2,000.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
III & IV sahaja

Kategori:
B01 & KPB02

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM020 / 2026

Bil. Projek:
2026DBSBM / JKR.06

Nama Projek:
Kerja-Kerja Menaiktaraf Tandas-Tandas Di Bangunan Jabatan Perkhidmatan Bangunan

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Selasa,
29 September 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
13 Oktober 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Rancangan Pemakanan Sekolah Dan Program Harapan

1. DA / JKSH / 106 / 2026 / 2027 [BPPA-SEPT-2026]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Asrama Bagi: Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong Daerah Brunei Muara. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Kod Blok: AK/01 Bagi Tempoh Enam (6) Bulan

2. DA / JKSH / 107 / 2026 / 2027 [BPPA-SEPT-2026]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan-Pemakanan (Makan Tengah hari) Bagi Program Harapan: Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Menunggol Daerah Brunei Muara. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Kod Blok: PH/T2 Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

3. DA / JKSH / 108 / 2026 / 2027 [BPPA-SEPT-2026]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan-Pemakanan (Makan Tengah hari)

Bagi Program Harapan: Sekolah Rendah Merangking Daerah Belait. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Kod Blok: PH/T3 Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

4. DA / JKSH / 109 / 2026 / 2027 [BPPA-SEPT-2026]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan: 1. Sekolah Rendah Saba Darat B 2. Sekolah Rendah Haji Tarif Daerah Brunei Muara. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Kod Blok: PH/ST2 Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

5. DA / JKSH / 110 / 2026 / 2027 [BPPA-SEPT-2026]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan: 1. Sekolah Rendah Abdul Rashid, Tanjong Maya 2. Sekolah Rendah Kampung Menengah Daerah Tutong. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Kod Blok : PH/ST6 Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

6. DA / JKSH / 111 / 2026 / 2027 [BPPA-SEPT-2026]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan: Sekolah Rendah Serasa Daerah Brunei Muara. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Kod Blok: PH/ST11 Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

7. DA / JKSH / 112 / 2026 / 2027 [BPPA-SEPT-2026]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan: Sekolah Rendah Orang Kaya Ali Wanika Setia Diraja Kupang Daerah Tutong. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Kod Blok: PH/ST12 Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

8. DA / JKSH / 113 / 2026 / 2027 [BPPA-SEPT-2026]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan: Sekolah Rendah Labu Estate Daerah Temburong. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Kod Blok : PH/ST13 Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 10 Oktober 2026
(Jam 9.00 Pagi)





**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 049 / 2026

Tajuk:
Proposed Tan Delta Assessment
On 11KV XLPE Underground
Cable In Brunei-Muara District
For A Period Of Three (3) Years

Tarikh Tutup:
13 Oktober 2026
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Harga Dokumen:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :

Tender Box
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian
Pembangunan dalam KELAS 3, 4
ATAU 5, dalam Kategori E03
dan mempunyai pekerja
yang berdaftar dengan JPE
dalam kategori E03.

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan-penerangan yang
lanjut bolehlah diperoleh dari



Kaunter Unit Tawaran
dan Sebut harga, Tingkat 4,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Perhatian:
Sila sertakan salinan "BUSINESS
NAMES ENACTMENT, 1958 -
SECTION 16 & 17", Sijil
Pendaftaran Pemborong (MOD),
Sijil Tabung Amanah Pekerja, "Tap
Employer Contribution" dan
'Certificate of Tax Compliance'
semasa menghantar dokumen ini
ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. **Lengkapkan Profil PSCR 2.0**
(WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. **Lengkapkan Kelulusan**
(Depositi / pangkat serta saiz / bilangan kelulusan)
3. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap**
(Sijil, transkrip dan pengiraan Plai Kelulusan Pengiraan Kelulusan (PSPK) yang terkini)
4. **Tandakan " " pada kotak semak "Jawatan Sekarang"**
di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. **Lengkapkan Maklumat**
(Jurnal / pengiraan / Pengiraan Perkhidmatan Awam / latihan latihan / kelayakan professional dan lain-lain yang dipersekatkan di dalam skema)

1. **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.

2. **Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.**

+673 7371961 | www.psc.bn | query@spa.gov.bn

Talian WhatsApp: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

PSC.BN

	JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	PEGAWAI LUAR PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI C.1-2 EB.3(BAHAGIAN III) 2026/SEP/05/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	02	7(A)	30 SEPTEMBER 2026
2.	PEGAWAI BELIA DAN SUKAN JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2026/SEP/02/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	30 SEPTEMBER 2026
3.	PENOLONG PENGELOLA URUSAN ZAKAT, WAQAF DAN BAITULMAL TINGKAT II JABATAN URUSAN ZAKAT, WAQAF DAN BAITULMAL KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2026/SEP/01/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	02	7(A)	30 SEPTEMBER 2026
4.	PEGAWAI PROJEK KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2026/SEP/01/KHLN	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI	01	7(A)	30 SEPTEMBER 2026

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAWATANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**MOE / LTK / 39 / 2026 / 2027
(JPK-SEPT-2026)**
Tawaran Terbuka Bagi Membekal
Dan Menghantar Terus Buku
Teks dan Buku Sumber Bagi
Mata Pelajaran IGCSE
Geography Ke Sekolah-Sekolah
Menengah Kerajaan,
Kementerian Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

**Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran:**
BND10.00
(Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
29 September 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU /
T / 017-TL
[JPPK / LTK / 29 / 2026]
Twelve (12) Months Corrective
Repair And Maintenance Of
Mechanical And Electrical Works
At Muara Naval Base

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori:
E01 dan E02

Tempoh Penyiapan Kerja:
Dua Belas (12) bulan

Yuran Tawaran:



BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran Dokumen
(MINDEF SOR 2019)
(Tidak Dikembalikan) :
BND500.00 satu set
(dalam bentuk CD)*

**Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah pada,
12 Oktober 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
20 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
25 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027) - R

Tajuk Sebut Harga:
Penyewaan dan Operasi Kedai
Cenderamata Muzium Brunei,
Bagi Tempoh 5 Tahun,

(100) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Atap Fasa I Di Bangunan
Tambahan Jabatan Penerangan.

Yuran:
Dikenakan Bayaran Sebanyak
BND 5.00

Tarikh Tutup:
Khamis, 1 Oktober 2026
Sebelum Jam 8.00 Pagi



Aras Bawah Muzium Brunei,
Kampung Kota Batu

Tarikh Tutup:
Khamis, 26 November 2026



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Bilangan Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 0109

Tajuk Sebut Harga:
Quotation For Sea Transport Cost
Of Personal Effect, Tehran,
Islamic Republic Of Iran

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 30 September 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN BOMBA
DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Sebut Harga Bagi :
JBP / TSH / 13 / 2026 - 2027
(Clutch Lining)
Thirty-Six (36) Months Contract
Replacement Of Clutch Lining
For BFRD Vehicles

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis, 1 Oktober 2026
(1.50 Petang)

Yuran Tawaran:
BND5.00



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Sebut Harga:
(99) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Atap Fasa II Di Bangunan Asal
Jabatan Penerangan

Bilangan Sebut Harga:



**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
AUD / BPK / UTM / Q&T /
2026 – 2027 / 21

Pembekalan Satu (1) Unit
Mesin Pencetak Berwarna
Pembekalan Tiga (3) Unit
Mesin Pecetak Monochrome,
Jabatan Audit, Jabatan Perdana
Menteri, Bangunan Bahirah,
Jalan Dewan Majlis,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
Selasa,
13 Oktober 2026



**JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**Rujukan Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**
JKED / TAWARAN / UPA / BHEK /
Q / 2026-12

Kerja-Kerja Pemeliharaan Dan
Baik Pulih Injin Milik Jabatan
Kastam Dan Eksais Diraja,
Kementerian Kewangan,
Negara Brunei Darussalam
Secara Berkontrak Selama
Tempoh Satu (1) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
6 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Kenyataan Tawaran
Jabatan Kerja Raya**

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-EM / 27 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian
Peralatan Dobi Yang Rosak
Dengan Kerja-Kerja Berkaitan
Untuk
Kediaman VIP Assarra, Istana
Edinburgh, Istana Darut Taqwa
Dan Kawasan Berkaitan

**Tarikh Tutup Tawaran
Dilanjutkan Sehingga:**
Selasa,
29 September 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**JABATAN BOMBA
DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

JBP / TSH / 14 / 2026-2027
Term Contract For Pest Control
Services At Fire And Rescue
Head Quarters, Multi-Purpose
Hall, Stor Am Building And MTO
Office Balai Bomba Beribi For The
Period Of 36 Months

JBP / TSH / 15 / 2026-2027
Membekal Dan Menghantar
Perabot Set Televisyen Serta
Peralatan Aksesori Dan
Memasang Sistem Visual

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
1 Oktober 2026
1.50 Petang

Yuran Tawaran:
BND5.00



Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
3 Oktober 2026
Jam 9.00 Pagi



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 20 / 2026
Kerja-Kerja Pengubahsuaian Bilik
Chiller Kepada Bilik Rehat
Kakitangan Jabatan Daerah Belait

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 18 / 2026
Upgrading Works To Existing
Toilet At 1st Floor At Pejabat
Daerah Belait

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 16 / 2026
Kerja-Kerja Menaiktaraf Ruang
Tamu (Utama) Kediaman Resmi
Pegawai Daerah Belait

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
30 September 2026



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU /
T / 011-TL
[JPPK / LTK / 23 / 2026]
Twelve (12) Months Corrective
Repair For Buildings And Civil
Works At Muara Naval Base

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Dua Belas (12) bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran Dokumen
(MINDEF SOR 2019)
(Tidak Dikembalikan) :**
BND500.00 satu set
(dalam bentuk CD)*
Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah pada
Isnin, 5 Oktober 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
13 Oktober 2026 (Selasa)
Jam 2.00 petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

**Makluman
Pemberitahuan Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
09 / ASSET.MFA / 2026
Supply, Deliver And Installation Of
Loose Office Furniture For A
Period Of Two (2) Years - FSOR

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**
10 / ASSET.MFA / 2026
Rental Of Color And Mono
Photocopier Machines For A
Period Of Thirty-Six (36) Months,
Ministry Of Foreign Affairs

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
30 September 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 042 / 2026

Tajuk:
Wayleave Maintenance Of
415V/11KV Overhead Line / Poles
For Zone B, Tutong District For A
Period Of Three (3) Years

Tarikh Tutup:
Selasa,
29 September 2026
Jam 2.00 Petang

Tender Fee:
BN100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan Kantin**

**DA / JKSH / 98 / 2026 / 2027
[BPPA-SEPT-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Sultan
Muhammad Jamalul Alam,
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

Harga Sewa Kantin:
BND708.00 Sebulan

**DA / JKSH / 99 / 2026 / 2027
[BPPA-SEPT-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha,
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND955.00 Sebulan

**DA / JKSH / 100 / 2026 / 2027
[BPPA-SEPT-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:
Sekolah Menengah
Sayyidina Othman,
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

Harga Sewa Kantin:
BND685.00 Sebulan

**DA / JKSH / 101 / 2026 / 2027
[BPPA-SEPT-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Rimba,

Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

Harga Sewa Kantin:
BND694.00 Sebulan

**DA / JKSH / 102 / 2026 / 2027
[BPPA-SEPT-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Rimba,
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin:
BND694.00 Sebulan

**DA / JKSH / 103 / 2026 / 2027
[BPPA-SEPT-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Menglait,
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

Harga Sewa Kantin:
BND777.00 Sebulan

**DA / JKSH / 104 / 2026 / 2027
[BPPA-SEPT-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:
Sekolah Menengah
Sayyidina Hasan,
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin:
BND1,002.00 Sebulan

**DA / JKSH / 105 / 2026 / 2027
[BPPA-SEPT-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Bukit Udal,
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND40.00 Sebulan

CSB RAIH TEMPAT PERTAMA GLOBAL QUANTUM DRILL 2026

Siaran Akhbar dan Foto : Cyber Security Brunei

DUBAI, EMIRIAH ARAB BERSATU, Rabu, 23 September. - Cyber Security Brunei (CSB), yang mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) telah dianugerahkan tempat pertama dalam Global Quantum Drill 2026, yang berlangsung baru-baru ini di Dubai Exhibition Centre, Expo City Dubai, bersempena dengan GISEC Global 2026.

Pencapaian tersebut menyaksikan NBD muncul sebagai negara yang mencatat prestasi tertinggi daripada 81 buah negara yang mengambil bahagian dalam Global Quantum Drill. Sementara itu, Kazakhstan memperoleh tempat kedua, manakala Mesir menduduki tempat ketiga.

Mewakili NBD ialah Awang Isyrah Fahmi bin Osman, Awang Abdul Muqsit bin Haji Jafari dan Awang Muhammad Fakhriy Muazzam bin Haji Zamain dari CSB, yang telah menyertai latihan tersebut.

Anugerah Tempat Pertama telah disampaikan kepada Pasukan CSB oleh Ketua Keselamatan Siber Kerajaan UAE, Dr. Mohamed Al-Kuwaiti sebagai pengiktirafan terhadap prestasi cemerlang mereka

dalam Global Quantum Drill 2026.

Global Quantum Drill 2026 dianjurkan oleh International Telecommunication Union (ITU) dan dihoskan oleh UAE Cybersecurity Council. Latihan tersebut menghimpunkan para profesional keselamatan siber dan pasukan teknikal dari 81 buah negara di seluruh dunia bagi memperkukuh tahap kesiapsiagaan dalam menghadapi cabaran keselamatan siber yang muncul berkaitan dengan teknologi kuantum.

Latihan tersebut memberikan para peserta senario praktikal yang memberi tumpuan kepada potensi kesan pengkomputeran kuantum terhadap amalan keselamatan siber semasa, khususnya berkaitan dengan kriptografi pasca-kuantum (*post-quantum cryptography*) dan risiko yang berkaitan dengan teknologi kuantum.

Para peserta dikehendaki menyelesaikan pelbagai senario, termasuk 'The Long Tail - Quantum Risk in the Incident Queue', yang memberi tumpuan kepada tindak balas terhadap insiden berkaitan kuantum yang disimulasikan serta 'Kill Two



CYBER Security Brunei, mewakili Negara Brunei Darussalam telah dianugerahkan tempat pertama dalam Global Quantum Drill 2026, di Dubai Exhibition Centre, Expo City Dubai, bersempena dengan GISEC Global 2026.

Birds with One Stone', iaitu cabaran teknikal yang melibatkan mekanisme kriptografi pasca-kuantum dan pelaksanaannya.

Pencapaian ini memberikan peluang kepada CSB untuk terus memperkembangkan keupayaan NBD dalam bidang keselamatan siber, di samping

memperkukuh penyertaan negara dalam inisiatif keselamatan siber di peringkat antarabangsa.

Pencapaian tersebut turut menekankan kepentingan dalam membangunkan kepakaran teknikal serta mengikuti perkembangan bidang keselamatan siber yang baharu

muncul, khususnya ketika teknologi kuantum terus berkembang.

Kejayaan tersebut mencerminkan usaha berterusan CSB dalam memperkukuh keupayaan keselamatan siber negara serta mengharumkan nama NBD di persada antarabangsa.

DARI MAHKAMAH

Miliki barangan tegahan tanpa kebenaran, warganegara Malaysia didenda BND465,898

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 September. - Majistret Malai Sharifah Nur Baqiyah binti Malai Shahrar, telah menjatuhkan hukuman denda terhadap seorang warganegara Malaysia atas dua pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006 kerana memiliki sebanyak 1,035 unit dan 11 set *vape* pelbagai jenis, 3,121 perisa jus *vape* pelbagai jenis dan 19 batang rokok pelbagai jenis tanpa kebenaran yang sah. Tertuduh juga memiliki sebanyak 2,407 dan 13 paket *vape* aksesori.

Azrul Helmee bin Abdul Ajiz dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND465,898 atau 47 bulan penjara.

Defendan ditangkap oleh Pegawai Penguatkuasa Jabatan Kastam dan Eksais Diraja pada 20 Mac 2023, jam 7.58 malam di sebuah rumah di Kampung Sungai Tilog.

Semua barang yang terlibat, iaitu *vape*, perisa jus *vape*, rokok dan *vape* aksesori dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan pelupusan.

Hakim juga memerintahkan satu unit telefon jenama Vivo berserta kad SIM (*light blue*) dan wang tunai BND688.70 dan SGD0.10 dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan.

ASEAN Tourism Awards 2027: Call for Nominations

The Brunei Tourism Development Department is pleased to invite aspiring businesses and organisations to take part in the prestigious ASEAN Tourism Forum Awards 2027, set to take place in The Republic of Singapore. This is a golden opportunity to gain regional recognition and showcase your excellence in tourism. The award categories for this upcoming event include:



ASEAN COMMUNITY-BASED TOURISM AWARD

For community-based tourism initiatives in Brunei Darussalam (5 nominations)



ASEAN SPA SERVICES AWARD

For established spa services operators in Brunei Darussalam (5 nominations)



ASEAN PUBLIC TOILET AWARD

For public toilets that meet the ASEAN standard (5 nominations)

APPLY NOW >



Position your business for regional recognition — scan the QR code to register for the ASEAN Tourism Awards!

Registration deadline:
6th October 2026



For More Information
+673 2382822 EXT. 2304




Ministry of Economy,
Trade and Industry



standards@tourism.gov.bn



www.tourism.gov.bn



SOLAT HAJAT MOHON KELANCARAN DALAM PEPERIKSAAN



SEKITAR Majlis Solat Hajat dan Membaca Surah Yaa Siin Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab (SMSUA) di dewan sekolah tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 September. - Bagi memohon kelancaran, ketenangan dan kejayaan dalam menghadapi peperiksaan, seramai 238 penuntut Tahun 8 dan Tahun 11 Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab (SMSUA) menyertai Majlis Solat Hajat dan Membaca

Surah Yaa Siin yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan. Majlis tersebut diadakan sebagai salah satu usaha pihak sekolah dalam memberikan sokongan serta membina kekuatan rohani dalam kalangan para penuntut yang bakal menduduki peperiksaan penting tidak lama lagi.

Acara dimulakan dengan Solat Hajat yang diimamkan oleh salah seorang tenaga pengajar sekolah tersebut, Awang Mohammad Asbliee bin Haji Mohammad Ali, yang turut mengetuai bacaan Surah Yaa Siin serta memimpin bacaan doa.

Bagi penuntut Tahun 8, mereka akan menduduki Student Progress Examination, manakala penuntut Tahun 11 bakal menghadapi Peperiksaan GCE 'O' Level dan IGCSE, yang menjadi antara penentu penting dalam perjalanan akademik mereka.

Selain persediaan dari segi akademik, pengisian berbentuk kerohanian seperti ini diharap dapat menyemai keyakinan, ketenangan dan sikap berserah kepada Allah Subhanahu Wata'ala setelah segala usaha dan persediaan dilakukan.

Pihak sekolah turut menaruh harapan agar para penuntut sentiasa memberikan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab

tumpuan, berusaha dengan bersungguh - sungguh serta memanfaatkan segala ilmu yang telah dipelajari sebagai bekalan menghadapi peperiksaan.

Semoga dengan usaha, doa dan tawakal yang dipanjatkan, para penuntut Tahun 8 dan Tahun 11

akan dipermudahkan dalam menjawab setiap soalan serta dikurniakan keputusan yang cemerlang demi mencapai kejayaan dalam bidang akademik dan masa depan masing-masing. Usaha diperkasa, doa dipanjatkan dan kejayaan diharapkan.

Ilan Najaah suntik semangat calon Tahun 11 menuju kejayaan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 September. - Menjelang detik penting menduduki Peperiksaan GCE 'O' Level, para pelajar Tahun 11 Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab (SMSUA) diberikan suntikan semangat dan pengukuhan rohani menerusi Majlis Ilan Najaah Menuju Kejayaan yang berlangsung di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan, baru-baru ini.

Majlis tersebut bukan sekadar menjadi wadah persediaan para pelajar menghadapi peperiksaan, malah mengetengahkan kepentingan restu, doa dan keberkatan ilmu sebagai bekalan

dalam melangkah ke fasa penting kehidupan mereka.

Dalam ucapannya, Pengetua SMSUA, Dayang Hajah Rosiah binti Haji Gharif, menegaskan bahawa kejayaan para pelajar tidak hanya diukur melalui gred dan keputusan peperiksaan, sebaliknya turut bergantung kepada keberanian untuk terus bangkit, belajar daripada kesilapan dan tidak mudah berputus asa.

"Hari ini saya tidak mahu berbicara panjang tentang peperiksaan, gred ataupun keputusan. Hari ini saya ingin berbicara dari hati ke hati," ujarnya kepada para pelajar Tahun 11.

Menurut Dayang Hajah Rosiah, apabila para pelajar melangkah ke dewan peperiksaan nanti, mereka sebenarnya tidak bersendirian kerana bersama mereka turut dibawa doa ibu bapa, restu guru-guru dan harapan seluruh warga sekolah.

Pengetua SMSUA turut menyampaikan restu kepada para pelajar serta menghalalkan segala ilmu yang telah dicurahkan oleh para guru sepanjang tempoh pembelajaran mereka.

Dalam pada itu, Dayang Hajah Rosiah mengingatkan bahawa perjalanan para pelajar hingga ke tahap tersebut bukanlah mudah kerana terdapat pelbagai cabaran, termasuk saat berasa yakin, penat mahupun kecewa dengan

keputusan peperiksaan.

Namun, jelas beliau, satu keputusan yang kurang baik tidak menentukan masa depan seseorang, sebaliknya masa depan ditentukan oleh keberanian untuk bangkit, memperbaiki kesilapan dan terus berusaha.

Dayang Hajah Rosiah juga menzahirkan penghargaan terhadap komitmen guru-guru yang sentiasa mengajar, membimbing, menegur dan mengingatkan para pelajar demi memastikan mereka mencapai kejayaan.

"Guru tidak meminta kamu membalas segala penat lelah mereka. Hadiah yang paling bermakna bagi seorang guru ialah apabila suatu hari nanti mereka melihat anak didiknya menjadi insan yang berjaya, berilmu, berakhlak dan mampu membanggakan ibu bapa," katanya.

Menyentuh mengenai suasana di dewan peperiksaan kelak, beliau menyeru para pelajar agar tidak membiarkan ketakutan menguasai diri, sebaliknya melangkah dengan 'Bismillah', keyakinan dan hati yang tenang, sambil membawa

bersama segala ilmu, usaha serta doa ibu bapa dan guru-guru.

Majlis berkenaan antara lain bertujuan mempersiapkan para calon GCE 'O' Level dari segi mental dan rohani, di samping memohon restu guru-guru serta ibu bapa atau penjaga yang telah mencurahkan ilmu, mendidik dan membimbing mereka.

Selain itu, ia turut menjadi wadah untuk menyemai perasaan menghargai, memeduli, mensyukuri dan berterima kasih kepada ibu bapa, guru-guru serta pihak sekolah atas segala jasa dan pengorbanan yang berterusan.

Majlis sedemikian dihasratkan dapat membina 'jambatan emas' dalam mengeratkan hubungan antara para pelajar, guru-guru dan ibu bapa sebagai satu sinergi dalam menghadapi peperiksaan yang bakal berlangsung.

Dengan restu dan doa yang dipanjatkan, para pelajar Tahun 11 SMSUA diharap melangkah ke medan peperiksaan bukan sahaja dengan ilmu yang mencukupi, tetapi juga dengan keyakinan, ketenangan, adab dan semangat untuk memberikan yang terbaik.



MAJLIS Ilan Najaah Menuju Kejayaan mengetengahkan kepentingan restu, doa dan keberkatan ilmu sebagai bekalan dalam melangkah ke fasa penting kehidupan mereka.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Strategi Memperkukuh Pengeluaran Makanan Tempatan'. Tarikh Tutup : 30 September 2026
- 2.'Peranan Komuniti dalam Memajukan Pembangunan Sukan'. Tarikh Tutup : 7 Oktober 2026
- 3.'Guru Pemacu Pendidikan Berkualiti'. Tarikh Tutup : 14 Oktober 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PENGIKTIRAFAN PEMANGKIN SEMANGAT TERUS MENCURAH BAKTI DALAM PENDIDIKAN

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BERAKAS, Rabu, 23 September. - Pengiktirafan dan anugerah yang diterima bukan sahaja menjadi penghargaan terhadap jasa dan sumbangan sepanjang perkhidmatan, malah mampu menjadi pemangkin semangat kepada warga pendidik untuk terus mencurahkan bakti dalam meningkatkan mutu pendidikan negara.

Pada Sambutan Hari Guru ke-36 bagi Tahun 2026, Anugerah Guru Berjasa telah diberikan kepada empat orang penerima iaitu Dato Paduka Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman; Awang Haji Jamal bin Haji Kahar; Dayang Hajah Sarbanun binti Junit dan Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Mohd. Hassan.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, Dato Paduka Dr. Haji Ismail dan Awang Haji Abdul Aziz berkongsi perjalanan serta pengalaman mereka sepanjang berkhidmat sebagai pendidik.

Menurut Dato Paduka Dr. Haji Ismail yang kini berusia 72 tahun, pengalaman berkhidmat sebagai guru sebelum meneruskan tanggungjawab dalam bidang pengurusan dan perancangan strategik memberikan peluang kepada beliau untuk terus menyumbang kepada pembangunan pendidikan, khususnya melalui penyelidikan.

Beliau menjelaskan, sepanjang berada dalam bidang penyelidikan, tumpuan turut diberikan kepada kajian berkaitan pendidikan serta aspek sosial dan ekonomi negara yang dapat menyumbang kepada pemahaman lebih mendalam mengenai perkembangan sosioekonomi negara.

Dato Paduka Dr. Haji Ismail telah menabur bakti dalam bidang pendidikan selama lebih kurang 35

tahun. Beliau mula berkhidmat pada tahun 1973 sebelum bersara pada tahun 2008. Jawatan terakhir beliau dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah sebagai Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Semasa ditemu bual, beliau menyifatkan Anugerah Guru Berjasa yang diberikan merupakan satu penghargaan terhadap jasa dan sumbangan sepanjang berkhidmat sebagai guru. Pada masa yang sama, beliau berharap pengiktirafan seperti ini dapat menjadi motivasi dan sumber inspirasi kepada guru-guru yang masih berkhidmat untuk terus memberikan yang terbaik dalam bidang pendidikan.

Menyentuh mengenai perkembangan pengajian tinggi di negara ini, beliau berpandangan bahawa kewujudan pusat kajian yang kukuh adalah penting bagi sesebuah negara.

Menurutnya, pusat kajian tersebut dapat menjadi wadah bagi warga tempatan, khususnya generasi muda, untuk menjalankan penyelidikan berkaitan perkembangan sosioekonomi dan aspek lain yang mempunyai kepentingan kepada negara.

"Pertulah anak tempatan mengkaji tentang negara sendiri. Melalui kajian, kita dapat mengenal pasti perkara yang perlu diperbaiki, dipertingkatkan dan diwujudkan bagi menyokong perkembangan dan identiti negara pada masa akan datang," katanya.

Beliau turut menekankan kepentingan menjalinkan hubungan dengan institusi pengajian tinggi di luar negara bagi memperkukuh jaringan

AWANG Haji Abdul Aziz bin Haji Mohd. Hassan dan Dato Paduka Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman, penerima Anugerah Guru Berjasa (kanan dan kanan sekali).



akademik serta memperluas bidang penyelidikan.

Katanya, kerjasama sedemikian membolehkan perkongsian ilmu dan kepakaran dilaksanakan, sekali gus membantu meningkatkan keupayaan penyelidikan tempatan.

Beliau berharap bidang pengajian tinggi dan penyelidikan akan terus berkembang dengan penglibatan lebih ramai warga tempatan dalam menghasilkan kajian yang dapat menyumbang kepada pembangunan serta kemajuan negara.

Sementara itu, seorang lagi penerima Anugerah Guru Berjasa, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Mohd. Hassan, menyifatkan pengiktirafan yang diterimanya sebagai satu penghargaan yang amat bermakna selepas lebih tiga dekad menabur bakti dalam bidang pendidikan.

Beliau memulakan kerjaya sebagai Guru Terlatih bermula pada tahun 1980 dan sebelum bersara pada tahun 2011, beliau bertugas di Pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan.

"Alhamdulillah, dengan amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua saya telah dianugerahkan sebagai salah seorang penerima Anugerah Guru Berjasa Ke-36 pada tahun ini," ujarnya.

Menurut beliau, anugerah berkenaan bukan sahaja menjadi pengiktirafan terhadap sumbangan yang telah dicurahkan sepanjang

perkhidmatan, malah menjadi pendorong dan motivasi kepada warga pendidik untuk terus memberikan sumbangan dalam bidang pengajaran serta pengurusan hal ehwal pengajaran dan pembelajaran.

Beliau turut menekankan kepentingan warga pendidik untuk terus menyesuaikan kaedah pengajaran dengan perkembangan semasa, khususnya melalui penggunaan Teknologi Maklumat (IT) dan Kecerdasan Buatan (AI), bagi mempertingkat keberkesanan penyampaian ilmu kepada para pelajar.

Dalam masa yang sama, beliau mengingatkan bahawa pendidikan tidak seharusnya tertumpu kepada pencapaian akademik semata-mata, tetapi turut perlu memberi penekanan kepada penerapan nilai-nilai murni dan pembentukan sahsiah pelajar.

Melihat keadaan perkembangan bidang pendidikan di negara ini terus mengalami perubahan dari semasa ke semasa, selaras dengan kemajuan teknologi dan tuntutan pendidikan yang semakin dinamik, beliau berkata, pada ketika itu, penggunaan teknologi seperti komputer dan telefon mudah alih belum ada, sekali gus para guru lebih banyak bergantung kepada bahan-bahan pengajaran yang dihasilkan sendiri.

"Perkembangan pendidikan

memang mengalami perubahan yang berterusan mengikut perkembangan zaman," katanya.

Jelasnya, perubahan tersebut turut disokong dengan pelaksanaan latihan secara berterusan bagi para guru, khususnya dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kaedah pengajaran.

Menurut beliau, latihan yang diberikan kepada para guru penting bagi memastikan kaedah pengajaran sentiasa relevan dengan perkembangan semasa, termasuk dalam penggunaan Teknologi Maklumat (IT).

"Guru-guru diberikan program latihan berterusan dalam bidang kaedah pengajaran mengikut perkembangan, termasuk sekarang penggunaan IT dan yang terbaru ialah Kecerdasan Buatan (AI)," ujarnya.

Beliau menambah, kemajuan teknologi turut memberikan kemudahan kepada para guru dalam membuat rujukan, penyelidikan, menyediakan bahan pengajaran serta menghasilkan alat bantu mengajar.

Katanya, kemudahan teknologi yang berada di hujung jari membolehkan proses mendapatkan maklumat dan bahan pengajaran dilakukan dengan lebih mudah dan pantas.

"Untuk membuat rujukan, penyelidikan, pengajaran dan menyediakan alat bantu mengajar memang mudah sekali kerana ia berada di hujung jari sahaja. Jadi, pengajaran pun lebih berkesan pada masa ini kerana adanya bantuan teknologi," katanya.

Beliau turut melihat penggunaan teknologi sebagai satu perkembangan yang dapat membantu memperkaya kaedah pengajaran, di samping memberikan ruang kepada guru untuk menyesuaikan pendekatan mereka dengan keperluan pendidikan masa kini.

Pembelajaran sepanjang hayat asas kecemerlangan pendidik



AWANG Haji Abd. Razak bin Bongsu bersama isteri semasa ditemu bual.

Kelantan, dari tahun 1957 hingga 1960. Beliau turut dipilih sebagai ketua rombongan berkenaan.

Selepas menamatkan latihan, beliau ditugaskan mengajar di Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA) dari tahun 1961 hingga 1962, sebelum meneruskan perkhidmatan di Sekolah Preparatory SOAS dan Maktab SOAS sehingga tahun 1965.

Bagi beliau, penganugerahan Anugerah Jejak Bakti Pendidik yang diterimanya pada Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) kali ke-36 tahun ini menjadi kenangan yang cukup istimewa setelah sekian lama mencurahkan khidmat sebagai seorang pendidik. Beliau juga mengenang kembali detik istimewa ketika Al-Marhum Begawan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waiddien berangkat ke Kota Bharu, Kelantan dan berkenan beramah mesra bersama mereka.

Sepanjang berada dalam perkhidmatan, beliau bukan sahaja memberikan tumpuan kepada tugas mengajar, malah aktif mengembangkan kegiatan kesenian dan sukan dalam kalangan para pelajar.

Beliau berinisiatif menubuhkan dan mengetuai Badan Kesenian di Maktab SOAS, sekali gus memberi ruang kepada para pelajar untuk mengembangkan kebolehan dalam bidang lakonan, penulisan, nyanyian

dan kegiatan seni budaya.

Dalam bidang sukan pula, beliau giat mempromosikan pelbagai kegiatan sukan dalam kalangan pelajar, di samping aktif menyertai kegiatan sukan sepanjang kerjayanya.

Antara pengalaman yang cukup bermakna ialah apabila beliau bersama sembilan orang guru pinjaman dari Malaysia yang berkhidmat di NBD berjaya mendaki hingga ke puncak Gunung Kinabalu pada 26 Ogos 1963. Beliau kemudiannya menerima sijil pengesahan daripada Tourist Association Sabah pada 11 Mei 1965.

Komitmen beliau terhadap peningkatan ilmu dan kemahiran turut terserlah apabila berpeluang mengikuti Certificate in Education for Heads of Schools and Administrators of Commonwealth Countries di Birmingham University, United Kingdom, pada tahun 1965.

Seterusnya, beliau mengikuti Diploma in Guidance and Counselling di Reading University, United Kingdom, dari tahun 1966 hingga 1967. Sekembalinya ke tanah air, beliau dilantik sebagai Guru Besar di Sekolah Rendah Anggerek Desa dan Supervisor Prep Class pada tahun 1967 hingga 1968.

Pada tahun 1969, beliau ditugaskan mengajar Trainee Teachers di Sekolah Melayu Berakas, sebelum dilantik sebagai Penolong Pensyarah di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dari tahun 1971 hingga 1973.

Bermula tahun 1974, beliau dilantik sebagai Pegawai Latihan di Unit Latihan, Jabatan Perjawatan Awam. Penglibatan beliau dalam bidang

sukan dan persatuan turut berkembang apabila pada tahun 1973 beliau terpilih memegang jawatan Setiausaha Brunei Amateur Athletics Association (B.A.A.A.).

Dengan pengalaman serta kepimpinan yang dimiliki, beliau kemudiannya diberi kepercayaan mengetuai Kontinjen NBD ke Sukan SEA di Jakarta pada tahun 1979 dan Manila pada tahun 1981.

Semangat untuk terus meningkatkan ilmu turut mendorong beliau melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah apabila mengikuti Bachelor of Philosophy (Education) di Birmingham University pada tahun 1982.

Pada tahun berikutnya, beliau mengambil inisiatif menubuhkan Brunei Veteran Athletes Association (B.A.V.A.) dan dipilih sebagai Yang Dipertua pertamanya. Beliau juga memainkan peranan dalam menghidupkan kembali Borneo Games pada tahun 1985 yang melibatkan NBD, Sabah dan Sarawak.

Dalam kerjaya perkhidmatan awam, beliau turut diberikan kepercayaan berkhidmat sebagai 3rd Secretary di Suruhanjaya Tinggi NBD di London, United Kingdom, dari tahun 1987 hingga 1990, sebelum kembali meneruskan tugas sebagai Ketua Unit Latihan dan Pengambilan di Unit Latihan, Jabatan Perjawatan Awam sehingga bersara pada tahun 1992.

Namun, persaraan bukanlah noktah kepada penglibatan beliau dalam kegiatan kemasyarakatan dan sukan. Sebagai bekas atlet, beliau terus aktif menyertai pertandingan olahraga di peringkat kebangsaan dan serantau, termasuk dalam kategori veteran sehingga tahun 2017. Beliau

turut terus menyumbang kepada perkembangan sukan olahraga negara dan pernah memegang jawatan Yang Dipertua B.A.V.A. sehingga tahun 2018.

Mengamalkan prinsip pembelajaran sepanjang hayat, Awang Haji Abd. Razak berpendapat bahawa guru dan pendidik hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan ilmu serta kemahiran menerusi pendidikan, kursus latihan dan seminar, sama ada di dalam mahupun luar negara.

Menyentuh perkembangan teknologi masa kini, beliau melihat kemajuan Teknologi Maklumat dan Kecerdasan Buatan (AI) sebagai satu kemudahan yang memberikan impak kepada guru dan penuntut, khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bagaimanapun, beliau menasihatkan agar kemudahan teknologi digunakan secara berhati-hati dengan menilai kesannya serta tidak disalahgunakan.

Beliau turut menekankan bahawa ciri-ciri asas dalam profesion perguruan, termasuk pembelajaran sepanjang hayat, keikhlasan dan komitmen, hendaklah sentiasa dikekalkan. Bagi beliau, nilai-nilai tersebut merupakan asas penting yang perlu terus dipelihara oleh warga pendidik dalam melaksanakan amanah membimbing dan membentuk generasi masa depan.

Anugerah Jejak Bakti Pendidik yang diterimanya bukan sahaja menjadi penghargaan terhadap khidmat beliau selama 27 tahun sebagai pendidik, malah mencerminkan perjalanan panjang seorang guru yang terus menyumbang kepada pendidikan, sukan dan pembangunan masyarakat.

BERAKAS, Rabu, 23 September. - Anugerah Jejak Bakti Pendidik merupakan satu penghormatan yang amat bermakna buat Awang Haji Abd. Razak bin Bongsu, 88 tahun, sebagai pengiktirafan terhadap jasa dan sumbangan beliau dalam bidang pendidikan serta pembangunan generasi selama lebih dua dekad.

Memulakan perkhidmatan sebagai guru pada tahun 1961, beliau telah menabur bakti selama 27 tahun dalam bidang pendidikan, selain terus menyumbang kepada pembangunan masyarakat khususnya dalam bidang sukan dan kegiatan persatuan selepas bersara.

Mengenang kembali perjalanan awal kerjayanya, Awang Haji Abd. Razak berkata beliau merupakan antara 10 pelajar dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (SOAS) yang terpilih untuk mengikuti kursus latihan perguruan selama tiga tahun di Kota Bharu Teacher's College (KBTC),



Cikgu... Hamizah Rindu

Oleh : Rose Delaila

Ilustrasi : Muhammad Al Khaliq Ali

HAMIZAH berasa gemuruh hari itu kerana dia tidak akan belajar dalam satu kelas lagi dengan sahabat baiknya, Humaizah. Keduanya bersahabat sejak zaman sekolah rendah lagi. Hamizah masih ingat pada awalnya dia berasa tidak senang dengan Humaizah kerana nama mereka yang seakan sama.

"Aku dulu yang punya nama tu," Hamizah mencebik sambil menjeling Humaizah yang duduk berkongsi satu meja dengannya.

"Tapi aku hari jadi Ogos. Kau bila?" Humaizah tidak mahu mengalah. Walaupun baru berusia lima tahun tetapi Humaizah sangat cerdik juga.

"Aku. Errr November," teragak-agak Hamizah menjawab.

"Nah.. aku dulu lahir. Jadinya aku dulu punya nama. Kau yang ikutkan aku," Humaizah membalas dengan yakin. Dia berasa tidak senang digelar sebagai perampas nama orang lain tapi sejak hari itu juga Hamizah dapat menerima Humaizah bukan mengambil atau meniru namanya dan persahabatan mereka terjalin gara-gara pertelingkahan itu terlerai. Comel bukan?

Persahabatan mereka juga diketahui satu sekolah. Baik sekolah pagi mahupun petang dan tidak kurang juga guru-guru sering tersalah nama. Humaizah menjadi Hamizah dan Hamizah menjadi Humaizah. Mereka seakan sepasang kembar tidak serupa!

Taklimat pagi itu diadakan di perpustakaan sekolah. Semua pelajar yang akan memasuki menengah empat dikumpulkan dan itu pertama kali juga Hamizah tidak duduk di samping sahabatnya Humaizah. Hamizah berusaha untuk senyum walaupun hatinya berasa sedikit kecewa. Lagi pula *science stream* adalah kelas teratas di sekolah itu. Mereka yang masuk dalam kelas itu pastilah dipandang tinggi.

"Tapi kalau aku di sana mungkin aku anda akan berasa dapat naik pentas untuk mengambil hadiah pada hujung tahun nanti," getus hati Hamizah dan itulah yang menjadi penyemangat Hamizah.

Awal persekolahan adalah hari pengenalan dengan guru-guru baharu dan salah seorang

guru yang akan menjadi guru Hamizah adalah tentunya guru yang akan mengajar mata pelajaran Sastera iaitu Cikgu Normah. Satu nama yang sangat digeruni semua pelajar kerana peribadinya yang tegas. Hamizah juga berasa gementar dengan Cikgu Normah. Siapa tidak takut dengan nama itu, mungkin pelajar dari kayangan agaknya? Semua pelajar gerun dengan nama Cikgu Normah walaupun dia bukan guru disiplin tetapi dia guru hal ehwal pelajar iaitu lebih tinggi daripada guru disiplin. Cikgu Normah juga sebenarnya digalati dalam kalangan guru-guru lain. Cikgu Normah akan berjalan dengan wajah yang lurus ke hadapan. Penuh yakin dan itu menunjukkan kewibawaannya sebagai seorang guru. Hamizah dalam diam kagum dengan cikgu galak itu.

"Saya tidak suka pelajar malas. Kerja rumah kalau anda siap. Saya tidak teragak-agak akan buang buku kamu!" suara Cikgu Normah memenuhi kelas. Walaupun ada 21 pelajar semuanya, tetapi tidak ada yang berani berbunyi boleh dikatakan untuk bergerak pun berasa takut.

Hamizah mematungkan diri, inilah cikgu yang ditakuti satu sekolah. Bisik hatinya, tetapi syarat itu standard bagi semua guru. Tidak ada guru suka murid malas, tidak ada guru suka murid yang tidak menghantar kerja rumah. Hanya saja cara penyampaian guru adalah berbeza dan itu cara Cikgu Galak!

"Pastikan sebelum datang kelas esok. Baca buku. Saya akan soal satu-satu. Kalau kamu anda terjawab kamu tahu apa saya akan buat!"

Esoknya, Cikgu Normah datang dengan segulung manila card. Ah! Style lama sekali. Getus hati Hamizah tetapi satu minit selepas kelas bermula, Hamizah terpegun sekali dengan cara penyampaian Cikgu Normah. Isi Pelajaran yang mudah difahami walaupun ada bahasa-bahasa lama yang digunakan terutama untuk Hikayat Awang Kamaluddin dan Hang Tuah. Anehnya, tidak perlu lama, Hamizah sudah jatuh suka dengan cikgu galak itu dan cikgu galak itu juga tidak kekok untuk membalas. Keduanya menemukan keserasian dan Hamizah boleh berbual dengan baik tanpa rasa gerun dan takut lagi. Setiap hari Hamizah berasa cukup semangat untuk hadir ke sekolah dan perlahan dia harus

menerima takdir kalau dia memang tidak akan belajar satu kelas lagi dengan Humaizah. Mereka masih kawan tetapi tidak lagi seakrab sebelumnya. Hamizah terpaksa melalui hari-hari sekolah tidak lagi bersama Humaizah. Namun, biarpun sendirian, Humaizah tetap aktif mengikuti aktiviti sekolah seperti tahun-tahun lalu.

Satu hari, Hamizah mengikuti larian sekolah mewakili rumah Biru secara paksa. Oleh kerana Hamizah tidak meminati acara sukan dan dia kalah dalam larian itu. Selesai acara larian, kaki Hamizah masih sakit, kulit muka pula hangus seperti terpangang api. Hamizah hadir kelas seperti biasa tetapi keletihan masih bersisa dan dia tidak boleh menyembunyikan daripada tidak terlihat oleh Cikgu Normah.

"Hamizah, kalau anda sihat boleh balik. Berehat di rumah," Cikgu Normah memujuk. Kedengaran murid lain ketawa kecil. Mungkin mentertawakan Hamizah yang kalah dalam larian beberapa hari lalu.

"Diam kamu semua! Kamu anda sama macam Hamizah. Hamizah wakil rumah sukan. Kamu tidak ikut serta pun. Semua malas!" Cikgu Normah naik marah. Tidak suka kalau Hamizah ditertawakan dan itu meninggalkan bekas di hati Hamizah. Hamizah sayang Cikgu Normah. Situasi tidak akan sama kalau ia dilakukan oleh murid lain yang datang kelas dengan keadaan mengantuk. Cikgu Normah tidak akan boleh bertoleransi.

"Ridhwan! Kalau mahu tidur jangan datang kelas saya. Bawa tilam dari rumah. Saya buka bilik kosong di belakang dan tidur kamu di sana!" Cikgu Normah menyeringai. Itu bukan kali pertama berlaku dan memang pernah beberapa rakan kelas Hamizah yang gagal menyiapkan kerja rumah dimasukkan ke dalam bilik kosong tersebut.

"Hamizah, ambil kunci ni, buka bilik belakang. Kau kurung semua yang anda siap kerja masuk dalam bilik kosong. Sekarang!" dan Hamizah menurut tanpa membantah. semua anak muridnya sudah faham, itu juga sebahagian daripada gurauan. satu demi satu berbaris sambil tersenyum kerana mereka tahu mereka dihukum dan diajak bergurau. Setiap hari bersama Cikgu Normah juga sangat menyenangkan, bukan hanya untuk

Hamizah tetapi juga untuk semua murid kelas Sastera tersebut.

Sejak masuk kelas aliran Sastera, Hamizah juga banyak membaca novel dan itu membantu Hamizah dalam menjawab kertas-kertas peperiksaan. Bahasa yang digunakan Hamizah juga cukup puitis sehingga Cikgu Normah sendiri mengaku kalah dan itu juga disampaikannya pada ibu Hamizah ketika perjumpaan Ibu bapa. Hamizah tidak ikut serta kerana ibu Hamizah hanya fokus pada abang dan adik Hamizah yang lain.

"Kalau Hamizan dan Hamilah sebenarnya boleh buat. Mereka ani pandai cuma malas saja. Anda sama dengan Hamizah. Saya kagum jua dengan Hamizah terutama dari segi penggunaan bahasa. Saya mengaku kalah. Bahasa yang digunakan oleh Hamizah bukan bahasa yang saya mahir untuk menggunakan," itulah kata-kata Cikgu Normah yang sering diulang oleh Hamilah. Tidak sekali dua kali juga mereka mengulang cerita dan kenangan di sekolah terutama bersama Cikgu Normah kerana mereka berkongsi cikgu yang sama.

"Tidak sama kamu ani dengan Hamizah!" itulah juga kata-kata yang sering diajukan oleh Cikgu Normah kepada Hamizan dan Hamilah. Dan mereka terpaksa akur dengan kebenaran itu.

Semua itu hanya tinggal rindu kerana Cikgu Normah sudah menghadap Ilahi pada 20 April 2025. Semoga roh Cikgu Normah ditempatkan bersama orang beriman. Semua kenangan bersama Cikgu Normah tidak dapat dilupakan terutama pada satu ketika Cikgu Normah cuba beberapa kali mengalihkan tubuhnya hanya untuk melihat Hamizah yang sengaja menyembunyikan tubuhnya pula di belakang Amran yang duduk di hadapannya.

"Hamizah ani anda lagi mau melayan saya," Hamizah ketawa kecil. Dia melepaskan kubik di tangannya yang sengaja di main dan sengaja mengajak Cikgu Normah bergurau. Tidak ada murid yang boleh melakukan hal yang sama seperti Hamizah dan itu adalah momen istimewa bagi Hamizah dan air mata Hamizah jatuh setiap kali mengingatinya. Hamizah sayang dan rindu Cikgu Normah. Damai dan tenanglah cikgu di sana... Al-Fatihah.

"SUDAH patut masanya tiap-tiap sekolah Melayu dan Inggeris yang ada dalam negeri Brunei ini diadakan pelajaran agama di sebelah petang oleh kerana menolakkan berbagai-bagai bencana dan fitnah pesona yang didatangkan oleh pihak yang tidak sukakan atas ketenteraman dan keelokan akhlak anak-anak bumi putera-puteri negeri ini, khususnya dalam pelajaran agama itu berbagai-bagai ajaran dan didikan cara-cara memperbaiki perjalanan hidup supaya tidaklah seorang itu terceburl dalam lembah kehinaan yang tidak disukai oleh semua bangsa yang beragama dalam muka bumi ini".

Petikan titah Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam

Sempena pertemuan dengan Awang Haji Othman bin Haji Mohd. Saad dan Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Pegawai-pegawai Agama dari Johor di Istana Darussalam pada 20 Jamadilawal 1374 Hijrah / 15 Januari 1955 Masihi



Tujuh dekad pendidikan agama formal : Membina generasi, mengukuh legasi

PENDIDIKAN agama memainkan peranan penting dalam pembentukan sesebuah masyarakat dan sekali gus sesebuah negara. Selain memberikan asas pengetahuan dan kefahaman mengenai ajaran Islam, pendidikan agama secara tidak langsung membimbing seseorang dalam membentuk akhlak, sahsiah dan nilai kehidupan yang baik. Dengan adanya pendidikan agama, seseorang itu akan dididik agar tahu akan tanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat, agama dan negara, selain menghayati nilai kejujuran, amanah, disiplin, kasih sayang dan saling menghormati.

Sementara itu dalam konteks pembangunan sesebuah negara pula, pendidikan agama juga menjadi salah satu landasan dalam melahirkan generasi yang bukan sahaja berilmu, malah mempunyai keperibadian dan nilai moral yang kukuh. Penghayatan terhadap ajaran agama dalam kehidupan seharian seterusnya dapat menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang harmoni, bertanggungjawab dan berpegang teguh kepada nilai-nilai murni.

Oleh itu penubuhan sekolah-sekolah

agama di Negara Brunei Darussalam (NBD) tidak dinafikan lagi sememangnya memainkan peranan penting dalam memberikan asas pengetahuan agama kepada masyarakat beragama Islam, di samping membentuk jati diri generasi muda di negara ini, apatah lagi NBD merupakan sebuah negara Islam yang berpegang teguh pada falsafah Melayu, Islam, Beraja.

Pendidikan agama formal

Mengimbas kembali sejarah awal Sistem Pendidikan Agama Formal di negara ini mula dilaksanakan secara rasmi pada 16 September 1956 melalui penubuhan persekolahan agama yang diasaskan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien. Penubuhan sekolah-sekolah agama berkenaan menjadi antara titik penting dalam sejarah pendidikan negara apabila pendidikan agama mula dilaksanakan secara lebih tersusun melalui sistem persekolahan yang teratur.

Dan kini, setelah tujuh dekad perjalanan pendidikan agama formal di NBD, sistem berkenaan terus berkembang dari semasa ke semasa selaras dengan perkembangan

pendidikan dan keperluan masyarakat. Sistem terus diperkukuh termasuk dari segi kurikulum, sistem persekolahan serta kaedah pengajaran dan pembelajaran. Perkembangan tersebut turut memperlihatkan peranan pendidikan agama dalam membentuk generasi yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman agama serta mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian.

Tema

Bersempena genap 70 tahun pendidikan agama formal di Pendidikan Agama Formal, sambutan bagi meraikannya mengangkat tema 'Tujuh Dekad Pendidikan Agama Formal : Evolusi, Transformasi dan Legasi'. Memetik Khutbah Jumaat bertarikh 4 September 2026 menjelaskan lebih lanjut akan makna tema tersebut iaitu ber'evolusi' menggambarkan perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam sistem pendidikan agama formal selaras dengan keperluan semasa. Dari sistem yang sederhana pada peringkat awal, pendidikan agama telah berkembang kepada struktur yang lebih tersusun dan menyeluruh.

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Jabatan Penerangan

Manakala 'transformasi' pula menekankan usaha berterusan untuk memperbaharui dan memperkukuh pendidikan agama agar kekal relevan dalam era globalisasi dan teknologi tanpa mengorbankan asas akidah, syariat dan akhlak. Sementara itu, 'legasi' merujuk kepada warisan dan asas kukuh yang telah dibina sejak penubuhan pendidikan agama formal. Ia meliputi usaha gigih para ulama, pendidik dan pemimpin dalam membentuk sistem pendidikan yang berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah.

Penutup

Bersempena Sambutan Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Agama Formal di NBD, marilah kita bersama-sama mensyukuri nikmat pendidikan agama yang telah berkembang sejak penubuhan sekolah agama pada 16 September 1956. Marilah kita saling berganding bahu ke arah mencapai matlamat penubuhannya iaitu untuk membentuk manusia yang beriman, berilmu, beramal, dan berakhlak mulia.

NBD MANFAAT PLATFORM PELANCONGAN JEPUN PROMOSIKAN VBY 2027

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) baru-baru ini menyertai Tourism EXPO Japan 2026 yang berlangsung pada 24 hingga 27 September 2026 di Tokyo Big Sight, Tokyo, Jepun, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkukuh kesedaran terhadap NBD sebagai destinasi pelancongan dalam pasaran Jepun serta mempromosi Tahun Melawat Brunei 2027 (Visit Brunei Year 2027 - VBY 2027).

Penyertaan NBD akan diwakili oleh wakil pemasaran yang dilantik oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI), dengan World Compass Co., Ltd. selaku Pejabat Jepun yang dilantik oleh jabatan berkenaan.

Pameran pelancongan antarabangsa selama empat hari berkenaan menyediakan platform bagi NBD untuk memperkukuh kehadirannya dalam pasaran Jepun serta mempromosi VBY 2027 kepada golongan profesional industri pelancongan dan orang ramai.

Dengan sokongan Royal Brunei Airlines (RB), syarikat penerbangan kebangsaan dan VBY 2027 Official Airline Partner,

serta penyertaan pengusaha pelancongan tempatan, iaitu Freme Travel Services Sdn. Bhd., reruai NBD akan mengetengahkan alam semula jadi, warisan budaya dan pengalaman pelancongan negara, dengan memberi tumpuan kepada aspek alam semula jadi, pengembaraan, kebudayaan dan riadah.

Pasaran Jepun terus menjadi antara pasaran penting bagi NBD. Pada 2025, seramai 13,200 pelancong dari Jepun direkodkan berkunjung ke NBD, manakala sebanyak 8,924 ketibaan direkodkan sehingga Julai 2026.

Penyertaan berterusan dalam platform pelancongan utama seperti Tourism EXPO Japan dijangka dapat meningkatkan keterlihatan NBD dalam pasaran Jepun, memperkukuh hubungan dengan pihak industri pelancongan Jepun serta menyumbang kepada pertumbuhan jumlah ketibaan pelancong dari Jepun.

Sepanjang Trade Days pada 24 dan 25 September 2026, delegasi NBD akan mengadakan sesi pertemuan perniagaan secara satu dengan satu (Business-to-Business - B2B) bersama ejen pelancongan, pengusaha pelancongan, syarikat penerbangan serta pihak berkepentingan dalam sektor

pelancongan.

Sesi berkenaan akan memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh hubungan industri, membangunkan produk pelancongan baharu serta mengenal pasti peluang bagi menggalakkan peningkatan aliran pelawat dari Jepun dan pasaran antarabangsa yang lain.

Sementara itu, Hari Terbuka kepada orang ramai pada 26 dan 27 September 2026 akan memberikan peluang kepada para pengunjung untuk mengenali NBD menerusi buku panduan khas, pameran kebudayaan tradisional serta ruang pengalaman interaktif.

Para pengunjung juga berpeluang mendapatkan maklumat mengenai jaringan penerbangan, tempat-tempat tarikan yang disyorkan serta pelbagai pengalaman pelancongan yang boleh dinikmati di NBD.

Penyertaan berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha lebih menyeluruh NBD untuk memperkukuh hubungan dengan pihak industri pelancongan dan pasaran pengguna Jepun, memperluas peluang dalam pembangunan produk pelancongan serta mengetengahkan NBD sebagai destinasi menarik bagi pengalaman berteraskan alam semula jadi, kebudayaan,



RRERUI Negara Brunei Darussalam (NBD) di Tourism EXPO Japan 2026 di Tokyo Big Sight, Tokyo, Jepun memberikan peluang kepada para pengunjung untuk mengenali NBD menerusi buku panduan khas, pameran kebudayaan tradisional serta ruang pengalaman interaktif semasa Hari Terbuka pada 26 dan 27 September 2026.

pengembaraan dan riadah.

Penyertaan berkenaan turut menyokong persiapan bagi VBY 2027 serta Sambutan Jubli Intan 60 tahun pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai dan para profesional industri pelancongan yang menghadiri Tourism EXPO

Japan 2026 adalah dialu-alukan untuk mengunjungi reruai pelancongan NBD dari 24 hingga 27 September 2026 bagi mengetahui dengan lebih lanjut mengenai tawaran pelancongan NBD, mendapatkan maklumat mengenai VBY 2027 serta meneroka peluang untuk merasai sendiri pengalaman di NBD, Negara Zikir yang aman dan damai.

Ketibaan kapal persiaran perkukuh daya tarikan NBD

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) baru-baru ini telah mengalu-alukan ketibaan kapal persiaran Adora Magic City yang membawa seramai 3,792 penumpang antarabangsa dan 1,205 anak kapal.

Kapal berkenaan membuat kunjungan sulung ke NBD selepas berlepas dari Kota Kinabalu, Malaysia, sebagai sebahagian daripada pelayaran serantau sebelum meneruskan perjalanan ke Republik Sosialis Viet Nam.

Ketibaan kapal berkenaan merupakan satu lagi pencapaian dalam usaha NBD memperkukuh daya tarikan sebagai destinasi pelancongan bagi pelancong dari Republik Rakyat China, di samping meningkatkan kehadiran negara dalam pasaran pelancongan kapal persiaran serantau.

Setiapnya di negara ini, para penumpang menerima sambutan meriah menerusi persembahan muzik dan tarian tradisional

gulintangan, yang memberikan pengenalan kepada khazanah budaya serta layanan mesra NBD yang sememangnya terkenal.

Sepanjang persinggahan di negara ini, para penumpang berpeluang mengunjungi beberapa tempat tarikan utama di NBD, antaranya Istana Nurul Iman, Kampong Ayer, Jame' Asr Hassanil Bolkiah dan Muzium Alat Kebesaran Diraja, selain beberapa destinasi menarik yang lain.

Kunjungan berkenaan turut memberikan peluang kepada para penumpang untuk merasai suasana kehidupan yang aman damai, mengenali budaya tempatan serta menikmati keramahan masyarakat NBD.

Para pengunjung yang menaiki kapal persiaran berkenaan turut berkongsi pandangan positif mengenai pengalaman mereka sepanjang berada di NBD. Seorang penumpang dari Republik Rakyat China, Han, menyifatkan kunjungan berkenaan sebagai satu



KAPAL persiaran Adora Magic City telah membawa seramai 3,792 penumpang antarabangsa, mengunjungi beberapa tempat tarikan utama di NBD, antaranya Istana Nurul Iman, Kampong Ayer, Jame' Asr Hassanil Bolkiah dan Muzium Alat Kebesaran Diraja, selain beberapa destinasi menarik yang lain di sini (kiri dan atas).

pengalaman yang menyenangkan, khususnya dengan suasana negara yang aman dan masyarakatnya yang ramah.

Sementara seorang lagi penumpang, iaitu Lee, menyifatkan NBD sebagai sebuah negara yang menarik serta menghargai peluang untuk meneroka negara ini sepanjang persinggahan kapal persiaran berkenaan.

Manakala Wang turut memberikan pandangan positif terhadap pengalamannya, khususnya mengenai suasana NBD yang aman serta layanan mesra yang diterima.

Ketibaan Adora Magic City menyerlahkan lagi minat yang semakin meningkat terhadap NBD sebagai destinasi pelancongan kapal persiaran serantau, di samping memberikan sumbangan positif kepada industri pelancongan tempatan dengan menyokong pengusaha pelancongan, penyedia perkhidmatan pengangkutan, pemandu pelancong, restoran

serta perniagaan berkaitan pelancongan yang lain.

Dengan lebih banyak kapal persiaran antarabangsa dijadualkan berkunjung ke NBD dalam beberapa bulan akan datang, negara ini dijangka menerima jumlah penumpang kapal persiaran yang semakin meningkat, sekali gus membuka lebih banyak peluang kepada industri pelancongan dan perniagaan tempatan untuk mengetengahkan tarikan, budaya serta keramahan NBD.

Kapal berkenaan merupakan kapal persiaran terbesar yang pernah berkunjung ke NBD setakat ini dari segi kapasiti penumpang bagi satu kunjungan, selain menjadi kapal persiaran antarabangsa ke-19 yang mengunjungi negara ini pada tahun ini.

Jabatan Kemajuan Pelancongan berharap dapat mengalu-alukan lebih 10 lagi kapal persiaran antarabangsa sebelum

penghujung 2026, sekali gus membawa lebih ramai pengunjung ke NBD dan seterusnya memperkukuh kedudukan negara dalam sektor pelancongan kapal persiaran serantau.

Seiring dengan perkembangan sektor pelancongan kapal persiaran, jabatan berkenaan turut menyeru agar sokongan dan kerjasama berterusan daripada semua pihak berkepentingan, termasuk pengusaha pelancongan, penyedia perkhidmatan pengangkutan, pemandu pelancong, pengusaha perhotelan, pengendali tempat tarikan pelancongan serta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Usaha secara menyeluruh berkenaan adalah penting bagi memastikan para penumpang kapal persiaran menerima sambutan yang mesra serta pengalaman kunjungan yang lancar dan bermakna sepanjang berada di NBD.

KERJASAMA SEKOLAH, IBU BAPA, PELAJAR PACU KEBERHASILAN PENDIDIKAN



MAJLIS Sesi Kongsi Sama Program Memperkasa Kejayaan Anakku 3.0 (Tier 1 dan Tier 2) Tahun 2026 diadakan oleh Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SMPDSM) dan Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) SMPDSM Sesi 2024 hingga 2026 bertempat di Dewan Jubli Mutiara SMPDSM (kanan dan atas).

MENTIRI, Rabu, 23 September. - Dengan hasrat bagi memberi pendedahan dan menyediakan ruang interaksi yang konstruktif antara pihak sekolah dan ibu bapa atau penjaga dalam membincangkan strategi akademik dan motivasi pelajar sekali gus menyokong kejayaan anak-anak menjelang peperiksaan utama, Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SMPDSM) dan Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) SMPDSM Sesi 2024 hingga 2026 telah mengunyahkahkan Majlis Sesi Kongsi Sama Program Memperkasa Kejayaan Anakku 3.0

(Tier 1 dan Tier 2) Tahun 2026 bertempat di Dewan Jubli Mutiara SMPDSM, baru-baru ini.

Antara yang hadir sepanjang berlangsungnya program berkenaan, Pengetua SMPDSM, Awang Haji Malai Shah Eran bin Syed Haji Yusoff Al-Ildrus; Timbalan-timbalan Pengetua SMPDSM; Kaunselor Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar (SMSAB), Dayang Hajah Aslinda binti Haji Aliakbar yang juga selaku fasilitator undangan; Pengerusi PIBG SMPDSM; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) PIBG SMPDSM; dan ibu bapa atau penjaga pelajar-pelajar Tahun 11 (Tier 1 dan Tier 2).

Awang Haji Malai Shah Eran dalam ucapan pembukaannya antara lain menjelaskan program berkenaan diadakan khusus untuk ibu bapa dan penjaga pelajar-pelajar Tahun 11 pada tahun ini yang melibatkan pelajar dalam Tier 1, iaitu mereka yang mencapai enam kredit dan ke atas dalam penilaian kelayakan serta Tier 2, iaitu mereka yang mencapai tiga hingga lima kredit secara keseluruhan.

Jelasnya lagi, walaupun pencapaian mereka berbeza, matlamat kita adalah sama untuk membantu setiap anak mencapai potensi terbaik mereka dalam

Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'O' dan International General Certificate of Secondary Education (IGCSE) yang akan datang.

"Melalui bengkel ini, ibu bapa dan penjaga akan berpeluang untuk mendapatkan pengetahuan, berkongsi pengalaman, serta bertukar idea dan strategi yang berkesan dalam menyokong anak-anak di rumah.

"Kita akan bersama-sama meneroka cara untuk memperkukuh disiplin belajar, mengurus masa, mengatasi cabaran, serta membina keyakinan diri anak-anak supaya mereka dapat meningkatkan pencapaian dan mencapai kecemerlangan.

"Kejayaan anak-anak bukanlah hasil usaha mereka sahaja, tetapi merupakan hasil kerjasama yang erat antara sekolah, keluarga dan komuniti. Dengan sokongan berterusan daripada ibu bapa, bimbingan guru-guru yang berdedikasi, serta usaha gigih pelajar sendiri, saya yakin kita boleh melihat lebih ramai pelajar mencapai keputusan yang lebih cemerlang dalam Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'O' dan IGCSE," katanya.

Awang Haji Malai Shah Eran turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih

Oleh : Nurdiyanah Rajami

Foto : Ihsan Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja



kepada PIBG SMPDSM atas kerjasama dan sokongan padu dalam merealisasikan program berkenaan. Terima kasih juga kepada semua guru yang sentiasa komited, kepada ibu bapa dan penjaga yang sentiasa memberi sokongan padu usaha dan semangat yang tidak pernah luntur.

"Semoga program ini memberi manfaat yang besar kepada semua dan menjadi satu lagi langkah bermakna dalam menyokong anak-anak kita menuju kejayaan. Bersama kita membimbing,

bersama kita memperkasakan demi masa depan yang lebih cerah untuk pelajar-pelajar SMPDSM khususnya," ujara lagi.

Dengan adanya pelaksanaan program sedemikian, ia juga antaranya bertujuan bagi memupuk kesedaran tentang kepentingan kerjasama tiga pihak, iaitu sekolah, ibu bapa atau penjaga dan pelajar dalam memastikan keberhasilan pendidikan, di samping dalam sama-sama menyemai budaya sokongan moral dan emosi yang berterusan daripada ibu bapa kepada anak-anak.



PENGETUA SMPDSM, Awang Haji Malai Shah Eran bin Syed Haji Yusoff Al-Ildrus ketika menyampaikan ucapan.



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Pameran NBD ketengahkan tawaran pendidikan, pelancongan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD), baru-baru ini telah menyertai Pameran Pendidikan Antarabangsa Ke-60, yang diadakan bermula 19 hingga 20 September 2026 di COEX, Seoul, Republik Korea, bagi mempromosikan peluang pendidikan serta tarikan pelancongan NBD kepada bakal pelajar, ibu bapa dan pengunjung dari pasaran Republik Korea.

Penyertaan NBD diwakili oleh Tams Inc., wakil pemasaran yang dilantik oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan di bawah Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI), bersama International School Brunei (ISB) dan Laksamana College of Business (LCB).

Penyertaan tersebut bertujuan untuk mengetengahkan peluang pendidikan di NBD, di samping tarikan alam semula jadi, kebudayaan dan persekitaran kehidupan negara.

ISB mengetengahkan kurikulum berasaskan sistem pendidikan British serta kemudahan asrama, manakala LCB mempromosikan

pelbagai laluan akademik, termasuk kelayakan BTEC, program asas, program Higher Diploma serta program ijazah universiti United Kingdom dalam bidang seperti Perniagaan, Teknologi Maklumat, Hospitaliti dan Pelancongan serta Seni Kulineri.

Penyertaan tersebut turut menyediakan peluang untuk memperkukuh kehadiran NBD dalam pasaran pelancongan Republik Korea. Pada tahun 2025, NBD merekodkan sebanyak 7,914 ketibaan pelancong melalui udara dari Republik Korea, manakala kira-kira 6,000 ketibaan telah direkodkan sehingga Ogos 2026.

Penglibatan berterusan dalam pasaran Republik Korea melalui platform seperti Pameran Pendidikan Antarabangsa ini diharap dapat meningkatkan lagi kesedaran mengenai NBD serta menyumbang kepada pertumbuhan ketibaan pelancong dari negara tersebut.

Antara fokus utama penyertaan adalah untuk mengetengahkan NBD sebagai pilihan yang mudah diakses dan menarik bagi pendidikan antarabangsa. Sistem

pendidikan NBD banyak dipengaruhi oleh model pendidikan British, yang memberikan peluang kepada pelajar untuk mengikuti pendidikan berasaskan sistem British serta menikmati persekitaran pembelajaran antarabangsa di Asia tanpa perlu melakukan perjalanan sejauh ke United Kingdom.

Hubungan penerbangan terus dengan Republik Korea, kedudukan geografi yang berdekatan serta persekitaran kehidupan yang selamat dan stabil turut meningkatkan daya tarikan NBD kepada para pelajar dan keluarga mereka.

Selain pendidikan, penyertaan tersebut turut memperkenalkan tarikan pelancongan NBD, khususnya kekayaan alam semula jadi dan kebudayaan negara, sekali gus memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai NBD sebagai destinasi untuk melancong, belajar dan menikmati pengalaman kebudayaan.

Gabungan promosi pendidikan dan pelancongan ini turut menyediakan peluang untuk mengetengahkan persekitaran kehidupan di NBD kepada bakal pelajar serta keluarga mereka.



RERUAI Negara Brunei Darussalam di Pameran Pendidikan Antarabangsa Ke-60 di COEX, Seoul, diwakili oleh Tams Inc., wakil pemasaran yang dilantik oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan di bawah Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, bersama International School Brunei dan Laksamana College of Business.

Penyertaan tersebut merupakan sebahagian daripada usaha berterusan NBD untuk memperkukuh kehadirannya dalam pasaran Republik Korea dengan meningkatkan kesedaran mengenai tawaran pendidikan dan pelancongan negara.

Pameran tersebut turut menyediakan peluang untuk berinteraksi dengan bakal pelajar, ibu bapa dan pengunjung, di samping membina

hubungan dengan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan dalam sektor pendidikan dan pelancongan.

Para pengunjung ke Pameran Pendidikan Antarabangsa Ke-60 di COEX, Seoul, dari 19 hingga 20 September 2026, adalah dialu-alukan untuk mengunjungi reruai NBD bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai peluang pendidikan, laluan akademik serta tarikan pelancongan di NBD.

DUA BENTUK DARATAN SEAKAN PULAU DIKESAN BERHAMPIRAN ANAK KRAKATAU



JAKARTA, 25 Sept. - Dua bentuk daratan kecil menyerupai pulau dikesan di barat laut dan tenggara gunung berapi Anak Krakatau di Selat Sunda antara Jawa dan Sumatera, susulan letusan berterusan awal bulan ini.

Ketua Pusat Vulkanologi dan Mitigasi Bencana Geologi (PVMBG) Siti Sumilah Rita Susilawati berkata kedua-dua bentuk daratan itu dikesan menerusi imej satelit Sentinel dan dipercayai terbentuk akibat aktiviti letusan yang berterusan selama kira-kira 25 jam dari 4 hingga 6 Sept.

"Tafsiran awal kami menunjukkan magma cair yang

dikeluarkan ketika letusan itu sampai ke permukaan menerusi bukaan yang memanjang dari barat laut ke tenggara.

"Bahan letusan kemudian membentuk daratan di lokasi lain yang kelihatan seperti pulau," kata beliau dalam kenyataan pada Jumaat.

Siti Sumilah menjelaskan penemuan itu masih berdasarkan penilaian awal dan perlu disahkan menerusi pemeriksaan di lapangan.

Beliau berkata PVMBG akan membandingkan imej satelit sebelum dan selepas letusan serta melakukan pemeriksaan di lokasi bagi mengesahkan pembentukan

berkenaan.

Selain dua bentuk daratan itu, imej satelit turut menunjukkan kawasan daratan Anak Krakatau bertambah kira-kira 32.8 hektar di bahagian barat laut, barat dan barat daya akibat mendapan bahan piroklastik serta aliran lava daripada letusan sama.

Tahap amaran Anak Krakatau, yang letusannya menyebabkan beberapa lapangan terbang ditutup sementara awal bulan ini, diturunkan daripada Tahap III kepada Tahap II pada 21 Sept susulan penurunan aktiviti gunung berapi.

Tahap III merupakan tahap kedua tertinggi dalam sistem

amaran gunung berapi empat peringkat Indonesia.

Susulan tahap amaran semasa, Rita menggesa orang ramai supaya bertenang dan berada sekurang-kurangnya dua kilometer

dari pusat letusan serta satu kilometer dari dua bentuk daratan baharu itu. - ©BERNAMA

Ejen AI ceroboh laman web Kerajaan Australia

SYDNEY, 24 Sept. - Kerajaan Australia mendedahkan pada Khamis bahawa satu ejen Kecerdasan Buatan (AI) yang dibangunkan oleh OpenAI telah menceroboh portal statistik insurans kesihatan awam Jun lepas, lapor Kyodo News.

Timbalan Perdana Menteri Richard Marles memberitahu sidang akhbar di Sydney, walaupun kesan pencerobohan itu kecil, akses tanpa kebenaran oleh ejen AI tersebut merupakan 'insiden yang sangat serius' dan kerajaan berasa 'amat bimbang'.

Menurut kerajaan, ejen AI itu mengakses infrastruktur di belakang portal statistik awam yang menyimpan data dan statistik tidak sensitif berkaitan skim insurans

kesihatan awam kerajaan.

Tiada maklumat pesakit dipercayai diakses setakat ini.

Walaupun pencerobohan itu berlaku pada Jun, OpenAI hanya menyedari perkara tersebut pada Ogos semasa semakan terhadap aktiviti model yang 'tidak selaras', dan memaklumkan agensi Kerajaan Australia yang bertanggungjawab terhadap skim itu menerusi e-mel bulan ini.

Semasa insiden itu, ejen AI tersebut berinteraksi dengan empat laman web awam Kerajaan Australia, namun hanya mengakses maklumat yang tersedia secara umum daripada tiga laman web yang lain, menurut Marles.

Perdana Menteri Anthony

Albanese, yang berada di New York untuk Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB), memberitahu sidang akhbar bahawa beliau telah mengadakan perbualan telefon dengan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) OpenAI, Sam Altman, pada Rabu (waktu New York) bagi menyatakan 'keimbangan mendalam' Australia berhubung insiden itu, serta kekecewaannya kerana syarikat tersebut mengambil masa yang lama untuk memaklumkan kerajaan.

Satu pasukan petugas ditubuhkan untuk menyiasat insiden tersebut serta tahap kesiapsiagaan keseluruhan kerajaan dalam menangani insiden siber melibatkan AI. - ©BERNAMA

AS, Denmark, Greenland tandatangani perjanjian keselamatan Artik

GENEVA/BRUSSELS, 23 Sept. - Amerika Syarikat (AS), Denmark dan Greenland pada Selasa menandatangani perjanjian di luar Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) bagi memperkukuh keselamatan di Artik dan Atlantik Utara, lapor Anadolu Ajansi.

Pada majlis menandatangani perjanjian itu, Presiden AS Donald Trump menyifatkannya sebagai "amat penting bagi Eropah dan Amerika Syarikat serta semua pihak, termasuk Greenland".

Beliau berkata perjanjian itu telah "lama diusahakan" dan merakamkan "hubungan jangka panjang yang sangat baik" antara pihak terbabit.

Ketika berucap di UNGA sebelum majlis menandatangani perjanjian itu, Trump berkata perjanjian berkenaan memberikan AS "kawalan kekal terhadap keselamatan dan semua keperluan lain" wilayah itu.

"Kami akan mempunyai keupayaan menyeluruh untuk melakukan apa yang perlu bagi mempertahankan benua Amerika serta Eropah dan tempat-tempat lain," katanya.

Beliau berkata tiada negara seteru AS akan dibenarkan mewujudkan kehadiran tentera di Greenland atau membuat pelaburan sensitif di wilayah itu

tanpa "kelulusan bertulis secara khusus" daripada Washington.

Trump turut mengumumkan rancangan untuk memperluas kehadiran tentera AS di Greenland.

"Kami akan segera memulakan proses membangunkan kehadiran tentera yang besar di lokasi yang sesuai. Kami akan membina dua pangkalan tentera yang sangat besar," katanya.

Menurut Trump, usaha memperluas kehadiran tentera AS di Artik dan Atlantik Utara akan melindungi AS dan Eropah serta "memperkukuh NATO dengan ketara".

Sebelum perjanjian itu ditandatangani, Trump berkata beliau berharap dapat bekerjasama dengan rakyat Denmark dan Greenland, sambil berkata pihak terbabit telah "benar-benar membina hubungan erat" sepanjang proses berkenaan.

Perdana Menteri Denmark Mette Frederiksen dan Perdana Menteri Greenland Jens-Frederik Nielsen mengadakan sidang media selepas majlis itu, menurut penyiar awam DR.

Perjanjian berkenaan membolehkan Washington mewujudkan sistem pertahanan peluru berpandu yang dikenali sebagai "Golden Dome" di

Greenland, namun masih belum jelas sama ada ia akan melibatkan penempatan peluru berpandu AS di pulau itu.

"Belum ada keputusan mengenai bentuk dan kandungan Golden Dome, jadi masih terlalu awal untuk menyatakan apa-apa mengennainya," kata Frederiksen.

Beliau ditanya sama ada perjanjian itu akan menamatkan gesaan berulang kali Trump supaya Greenland dimiliki atau dikawal oleh AS.

"Kami berpegang kepada perjanjian yang telah dimeterai. Perjanjian itu dengan jelas menyatakan bahawa pihak-pihak berkenaan menegakkan semula kedaulatan dan keutuhan wilayah Kerajaan Denmark serta mengiktiraf bahawa rakyat Greenland merupakan satu bangsa di bawah undang-undang antarabangsa yang mempunyai hak untuk menentukan nasib sendiri," kata Frederiksen.

Beliau menambah bahawa Denmark tidak dapat menjamin apa yang mungkin diperkatakan oleh pihak lain pada masa hadapan.

Nielsen berkata Greenland mengekalkan "garis merah" sepanjang rundingan dan mahu membina semula "kepercayaan bersama" dengan AS. - ©BERNAMA

Republik Filipina catat risiko bencana tertinggi dunia

MANILA, 25 Sept. - Republik Filipina sekali lagi menduduki tempat teratas sebagai negara yang berdepan risiko bencana tertinggi di dunia dengan mencatat skor 46.69 dalam Indeks Risiko Dunia 2026, lapor Xinhua memetik laporan media tempatan pada Khamis.

Indeks yang diterbitkan oleh beberapa institut di Republik Persekutuan Jerman itu merangkumi kesemua 193 negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Republik India berada di tempat kedua dengan skor 44.97, diikuti Republik Indonesia dengan 44.63.

Indeks Risiko Dunia menilai risiko bencana berdasarkan dua faktor utama iaitu tahap pendedahan sesebuah negara terhadap bahaya semula jadi serta kerentanan masyarakat, termasuk keupayaan untuk menangani dan menyesuaikan diri dengan bencana.

Republik Filipina secara konsisten berada antara negara yang paling terdedah kepada bencana disebabkan kedudukan geografinya.

Terletak di Lingkaran Api Pasifik, Republik Filipina terdedah kepada gempa bumi dan aktiviti gunung berapi.

Kedudukannya di barat Lautan Pasifik turut menyebabkan negara itu kerap dilanda siklon tropika, hujan lebat, banjir dan tanah runtuh.

Republik Filipina turut menduduki tempat pertama dalam edisi 2025 dengan mencatat skor 46.56. - ©BERNAMA

Malaysia perluas kerjasama pendidikan tinggi dengan wilayah di Republik Indonesia - EMI

JAKARTA, 23 Sept. - Malaysia sedang berusaha menjalin perkongsian secara langsung dengan kerajaan wilayah di seluruh Republik Indonesia bagi memperluas kerjasama pendidikan melangkaui skop pengambilan pelajar, dengan beberapa program sedang dibangunkan di Jawa Tengah dan Sumatera.

Pengarah Education Malaysia Indonesia (EMI) Dr. Hasnul Faizal Hussein Amri berkata inisiatif yang diperkenalkan tahun ini akan menghubungkan kerajaan wilayah dengan universiti di Malaysia yang mempunyai kepakaran untuk membantu memenuhi keperluan kemahiran tempatan serta pembangunan sumber manusia.

"Sebelum ini, bukan bermakna tiada libat urus. Kami pernah mengadakan pameran dan libat urus di pelbagai lokasi, tetapi kami tidak pernah mempunyai pengaturuan yang menawarkan kerjasama secara langsung dengan kerajaan wilayah," katanya kepada Bernama.

Inisiatif itu mendapat momentum pada Julai apabila EMI menghimpunkan wakil daripada pejabat perhubungan di 33 wilayah Republik Indonesia pada Seminar Pendidikan Tinggi Malaysia 2026 di Jakarta.

Susulan seminar itu, EMI mula membangunkan dua program berkenaan, termasuk satu dengan kerajaan wilayah Jawa Tengah, kata Hasnul Faizal.

"Kita kini perlu beralih ke arah bukan sahaja menawarkan pendidikan tinggi dan produk pendidikan tinggi, tetapi juga kepakaran yang terdapat di universiti Malaysia bagi pembangunan sumber manusia," katanya.

Antara bidang yang sedang dibincangkan termasuk kursus jangka pendek, program berasaskan kelayakan, serta inisiatif latihan semula dan peningkatan kemahiran yang bertujuan meningkatkan peluang pekerjaan dan menyokong pembangunan ekonomi tempatan.

EMI turut meneroka pengaturuan pembiayaan bersama, namun belum ada yang dilaksanakan.

Hasnul Faizal berkata kira-kira 11,450 pelajar Republik Indonesia kini sedang melanjutkan pengajian di Malaysia.

Data Kementerian Pendidikan Tinggi menunjukkan Republik Indonesia merupakan sumber kedua terbesar pelajar antarabangsa di Malaysia pada 2025, di belakang Republik Rakyat China, dengan 12,961 pelajar mendaftar di institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Republik Indonesia menyumbang 1,733 daripada 5,113 kerjasama antarabangsa yang direkodkan oleh universiti awam Malaysia setakat Disember 2025 -- jumlah terbesar melibatkan sebuah negara, menurut Jabatan Pendidikan Tinggi Malaysia.

EMI mewakili Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia di Republik Indonesia dan bekerjasama dengan Education Malaysia Global Services (EMGS) serta ejen pendidikan berdaftar bagi mempromosikan pendidikan tinggi Malaysia dan menyokong perkhidmatan berkaitan pelajar. - ©BERNAMA



BERANGKAT KE RESEPSI HARI KEBANGSAAN ARAB SAUDI

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ahli Kehormat Lembaga Eksekutif Olympic Council of Asia (OCA) dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat ke majlis resepsi Komite Olimpik dan Paralimpik Arab Saudi sempena Hari Kebangsaan Ke-96 Arab Saudi (kanan dan kanan sekali).



NAGOYA, JEPUN, Rabu, 23 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ahli Kehormat Lembaga Eksekutif Olympic Council of Asia (OCA) dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC), berkenan berangkat menghadiri majlis

resepsi Komite Olimpik dan Paralimpik Arab Saudi sempena Hari Kebangsaan Ke-96 Arab Saudi, yang diadakan semasa berlangsungnya Sukan Asia Ke-20 Aichi-Nagoya Jepun 2026. Resepsi tersebut telah berlangsung pada 23 September 2026, dari jam 1.00 hingga 3.00 petang, bertempat di Grand Ballroom, Tingkat 10, Conrad Nagoya.

Pada resepsi berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah telah disambut oleh His Highness Prince Fahad bin Jalawi Alsaud, Vice President of the Saudi Olympic and Paralympic Committee. Majlis berkenaan merupakan satu majlis jemputan khas yang

Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam Sukan Asia Ke-20, 2026

dihadiri oleh wakil-wakil National Olympic Committees (NOCs). Resepsi tersebut turut menjadi wadah bagi mengeratkan hubungan persahabatan dan memperkukuh jaringan kerjasama antara komuniti Olimpik antarabangsa, khususnya dalam suasana temasya Sukan Asia Ke-20 Aichi-Nagoya Jepun 2026.

Kehadiran Duli Yang Teramat Mulia mencerminkan hubungan baik dan persahabatan yang terjalin antara Majlis Olimpik Kerajaan Brunei Darussalam dan Komite Olimpik dan Paralimpik Arab Saudi, serta komitmen berterusan dalam memperkukuh hubungan melalui sukan dan gerakan Olimpik antarabangsa.

TAZ FC raih kemenangan dalam aksi persahabatan

BERAKAS, Rabu, 23 September. - TAZ FC mencatat kemenangan tipis 4 - 3 ke atas Squadra FC dalam satu perlawanan persahabatan yang berlangsung di Padang Kebajikan Berakas, baru-baru ini. Perlawanan tersebut bukan sahaja menjadi medan persaingan antara kedua-

dua pasukan, malah turut bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim dan semangat persahabatan antara para pemain TAZ FC dan Squadra FC melalui aktiviti sukan. Aksi yang berlangsung dalam suasana kompetitif itu turut memberikan peluang kepada kedua-dua pasukan untuk

menguji kemampuan masing-masing, di samping meningkatkan prestasi permainan melalui pengalaman beraksi dalam perlawanan persahabatan. Kedua-dua pasukan turut memperlihatkan semangat kesukanan dan kerjasama berpasukan sepanjang perlawanan, sekali gus

**Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Ihsan Mohammad Roswandi Haji Wahap**

menjadikan aksi berkenaan sebagai platform untuk meningkatkan kecergasan fizikal serta mengukuhkan persefahaman dalam kalangan pemain. Perlawanan seumpama ini

diharap dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai usaha memperkukuh hubungan antara pasukan, selain menggalakkan penglibatan aktif dalam kegiatan sukan dan memupuk semangat persahabatan serta kesukanan.



TAZ FC beroleh kemenangan dengan jaringan 4 - 3 ke atas Squadra FC dalam satu perlawanan persahabatan yang telah mengambil tempat di Padang Kebajikan Berakas, baru-baru ini.



KEMENTERIAN Kesihatan hari ini memperkenalkan Sistem Pengimejan Terkini Dual-energy X-ray Absorptiometry (DXA) di Jabatan Radiologi, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), sebagai salah satu usaha berterusan dalam meningkatkan kualiti dan kapasiti perkhidmatan pengimejan diagnostik di negara ini. DXA merupakan kaedah pemeriksaan yang menggunakan pancaran sinar-X berdosis rendah untuk mengukur ketumpatan mineral tulang (bone mineral density) serta menganalisis komposisi badan.

SUMBER : Pelita Brunei Edisi September 2026.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERKUKUH IMAN DENGAN MENJAUHI PERKARA-PERKARA TERLARANG